

BAB 4

ANALISIS DATA

SIKAP PELAJAR TERHADAP BAHASA MELAYU

4.0 Pengenalan

Sikap bahasa merupakan pandangan terhadap bahasa. Adanya pandangan yang bersifat positif seperti sesuatu bahasa itu sedap didengar, menarik, cantik dan ada juga pandangan yang bersifat negatif terhadap sesuatu bahasa seperti buruk, tidak menarik (Fasold, 1984) dan sebagainya. Di samping itu, berdasarkan perilaku berbahasa yang dimanifestasikan oleh penuturnya, didapati mereka yang bersifat positif terhadap bahasa mereka akan memperlihatkan beberapa kelakuan berbahasa yang dapat dianggap sebagai sifat positif penuturnya seperti sifat setia, rasa gah, bangga dan sedar akan norma yang mendasari bahasa itu (Nik Safiah Karim, 1988; Ajid Che Kob, 1998). Hasil daripada kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini, jelas menunjukkan sikap bahasa dapat dilihat melalui sikap pelajar mempelajari sesuatu bahasa.

Bab ini akan membincangkan dan menganalisis sikap pelajar PSU dan pelajar WU terhadap bahasa Melayu. Untuk melihat sikap pelajar tersebut, analisis yang bersifat kuantitatif dibuat terhadap data yang dikumpul melalui soal

selidik. Analisis data ini dilakukan dengan menggunakan program SPSS versi 10.0. Sejumlah kenyataan yang berhubung dengan sikap dikemukakan kepada responden dengan jawapan berskala empat pemeringkatan. Dua jawapan bersifat negatif iaitu **Sangat tidak bersetuju** dan **Tidak bersetuju**. Dua jawapan lagi bersifat positif, iaitu **Sangat bersetuju** dan **Bersetuju**. Untuk tujuan memudahkan analisis kedua-dua jawapan ini digabungkan, menjadi dua sahaja iaitu yang bersifat negatif dikelompokkan kepada **Tidak bersetuju**. Jawapan yang bersifat positif pula dikelompokkan kepada **Bersetuju**.

Data yang diperolehi melalui pemerhatian pula digunakan dalam perbincangan sebagai maklumat sokongan .

Dalam kajian yang dijalankan ini, angkubah yang disenaraikan Baker (1992) dan Helga Bister-Broosen (1997) ini dijadikan sebagai panduan dan angkubah asas dalam membuat analisis. Walau bagaimanapun, sedikit perubahan dilakukan sesuai dengan kehendak kajian. Dalam kajian ini, hanya empat angkubah ditumpukan, iaitu jantina, bahasa ibunda, universiti dan agama.

Bahasa ibunda digunakan sebagai latar belakang bahasa. Universiti mewakili latar belakang sekolah dan tempat tinggal, kerana responden dalam kajian ini adalah pelajar universiti bukannya pelajar sekolah. Angkubah agama digunakan kerana responden yang dikaji terdiri daripada dua golongan agama dan bahasa Melayu didapati mempunyai hubungan yang erat dengan agama Islam di

kawasan kajian. Jantina juga diambil kira kerana responden kajian ini terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan.

Ada beberapa angkubah yang dicadangkan oleh Baker (1992) dan Helga Bister-Broosen (1997) yang tidak digunakan dalam kajian ini, iaitu ibu bapa, tatatingkat sosioekonomi pelajar dan bangsa atas sebab-sebab tertentu. Ini disebabkan melalui kajian rintis yang dijalankan terhadap responden, didapati dari segi tatatingkat sosioekonomi, tidak wujud perbezaan yang besar. Hal ini mungkin disebabkan pelajar yang mampu menyambung pelajaran ke peringkat universiti kebanyakannya mempunyai latar belakang ekonomi yang stabil, yakni berkemampuan. Dari segi angkubah bangsa pula, melalui kajian rintis semua pelajar mengatakan mereka berbangsa Thai. Pelajar menganggap mereka satu bangsa, maka angkubah ini tidak boleh dijadikan ukuran. Ibu bapa tidak dijadikan angkubah dalam kajian ini kerana ibu bapa telah dimasukkan sebagai sebahagian maklumat dalam soalan yang berkaitan dengan sikap dan motivasi

Sikap pelajar terhadap bahasa Melayu ini dianalisis dan diteliti melalui aspek-aspek berikut:

- 4.1 Sikap pelajar secara umum terhadap bahasa Melayu;
- 4.2 Sebab-sebab pelajar mempelajari bahasa Melayu; dan
- 4.3 Faktor yang menjadi motivasi pelajar mempelajari bahasa Melayu.

4.1 Analisis Sikap Pelajar Secara Umum Terhadap Bahasa Melayu

Untuk melihat sikap responden secara umum terhadap bahasa Melayu, sebanyak empat kenyataan umum tentang sikap telah dikemukakan kepada mereka melalui soal selidik Bahagian C soalan 11. Berdasarkan soalan yang telah dikemukakan, jelas menunjukkan rata-rata responden bersikap positif terhadap bahasa Melayu. Ini dapat dibuktikan melalui Jadual 5.1, di bawah:

Jadual 4 .1: Kekerapan dan Peratusan Persetujuan Terhadap Kenyataan Tentang Bahasa Melayu

Kenyataan	Kekerapan		Peratusan	
	SS/S	STS/TS	SS/S	STS/SS
a. Bahasa Melayu mudah dipelajari	128	19	87.1	12.9
b. Bahasa Melayu amat menarik	142	5	96.6	3.4
c. Bahasa Melayu penting untuk komunikasi di rantau Asia Tenggara	140	7	95.2	4.8
d. Banyak bunyi yang sedap didengar dalam bahasa Melayu	143	4	97.3	2.7

Nota: SS -Sangat Setuju
S -Setuju
STS -Sangat Tidak Setuju
TS -Tidak Setuju

Berdasarkan Jadual 4.1 di atas, didapati hampir keseluruhan responden berpandangan positif terhadap bahasa Melayu. Sebanyak 128 orang (87.1%) peratus bersetuju dengan kenyataan bahasa Melayu mudah dipelajari. Hanya 19 orang (12.9%) yang mengatakan mereka tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seramai 142 orang (96.6%) bersetuju dengan kenyataan bahasa Melayu amat menarik, manakala hanya 5 orang (3.4%) sahaja yang tidak bersetuju. Jadual 4.1 di atas juga menunjukkan 140 orang (95.2) responden bersetuju dengan kenyataan bahasa Melayu penting untuk komunikasi di rantau Asia Tenggara, manakala 7 orang (4.8%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Begitu juga dengan kenyataan tentang banyak bunyi yang sedap didengar dalam bahasa Melayu, seramai 143 orang (97.3%) bersetuju dengan kenyataan tersebut dan hanya 4 orang (2.7%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan itu. Dapatan di atas menunjukkan secara umum rata-rata responden mempunyai pandangan positif terhadap bahasa Melayu.

Untuk analisis yang lebih khusus tentang pandangan responden terhadap bahasa Melayu, analisis dalam bentuk penjadualan bersilang kenyataan-kenyataan tersebut dengan angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama dikemukakan dalam Jadual 4.2 di bawah.

Jadual 4.2: Peratusan Persetujuan Terhadap Kenyataan Tentang Bahasa Melayu dalam Bentuk Penjadualan Bersilang dengan Universiti, Bahasa Ibunda, Janitina dan Agama

Kenyataan	Universiti				Bahasa Ibunda				Janitina				Agama			
	PSU		WU		BT		BM		Lelaki		Perempuan		Islam		Buddha	
	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS
a. Bahasa Melayu mudah dipelajari	90.0	10.0	84.4	15.6	77.6	22.4	91.8	8.2	92.5	7.5	85.0	15.0	90.4	9.6	75.5	24.2
b. Bahasa Melayu amat menarik	97.1	2.9	96.1	3.9	93.9	6.1	98.0	2.0	97.5	2.5	96.3	3.7	97.4	2.6	93.9	6.1
c. Bahasa Melayu penting untuk komunikasi di rantau Asia Tenggara	97.1	2.9	93.5	6.5	93.9	6.1	95.9	4.1	95.0	5.0	95.3	4.7	95.6	4.4	93.9	6.1
d. Banyak bunyi yang sedap didengar dalam bahasa Melayu	97.1	2.9	97.4	2.6	95.9	4.1	98.0	2.0	100	0	96.3	3.7	98.2	1.8	93.9	6.1

Nota:

- PSU - Universiti Prince of Songkla (Pattani)
- WU - Universiti Walailak
- BT - Bahasa Thai
- BM - Bahasa Melayu
- S - Sangat Setuju/Setuju
- TS - Tidak setuju/Sangat Tidak Setuju

Jadual 4.2 di atas mengesahkan lagi bahawa secara umum responden yang mengikuti kursus bahasa Melayu di PSU (70 orang) dan WU (77 orang) bersikap amat positif terhadap bahasa Melayu. Analisis terperinci dibuat dalam 4.1.1, 4.1.2, 4.1.3 dan 4.1.4 di bawah.

4.1.1 Bahasa Melayu mudah dipelajari

Didapati responden dari PSU mempunyai peratusan persetujuan yang lebih tinggi berbanding dengan responden WU, bagi soalan ini, iaitu 90.0% responden PSU mengatakan bersetuju, berbanding dengan 84.4% responden dari WU yang mengatakan bersetuju dengan kenyataan itu.

Jumlah responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai adalah seramai 49 orang, manakala responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu adalah seramai 98 orang. Responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu juga lebih bersikap positif dengan 91.8 % bersetuju dengan kenyataan tersebut berbanding dengan hanya 77.6% responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai yang bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Seramai 107 orang responden adalah pelajar perempuan, manakala selebihnya, iaitu 40 orang adalah pelajar lelaki. Apabila dilihat daripada angkubah jantina, didapati responden lelaki lebih positif, iaitu 92.5% mengatakan mereka bersetuju dengan kenyataan tersebut, berbanding 85.0% sahaja responden

perempuan yang bersetuju dengan kenyataan tersebut. Namun begitu, disebabkan jumlah responden perempuan dua kali ganda lebih ramai daripada responden lelaki, maka dari segi jumlah sebenar responden perempuan sebenarnya lebih ramai yang bersetuju dengan kenyataan ini.

Agama juga mempengaruhi sikap responden. Dalam kajian ini seramai 114 orang responden beragama Islam, manakala selebihnya iaitu 33 orang adalah beragama Buddha. Didapati bagi kenyataan tersebut 90.4% responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan ini, manakala 75.5 % sahaja responden yang beragama Buddha bersetuju dengan kenyataan tersebut.

4.1.2 Bahasa Melayu amat menarik

Bagi kenyataan ini pula didapati angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama tidak begitu mempengaruhi sikap responden. Ini kerana perbezaan sikap bagi angkubah-angkubah tersebut sekitar 1% ke 5% sahaja. Didapati 97.1% responden dari PSU bersetuju dengan kenyataan ini, manakala 96.1 % responden WU juga bersetuju. 98.0% responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu bersetuju dengan kenyataan tersebut, manakala 93.9% responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai turut bersetuju. 97.5% responden lelaki bersetuju, begitu juga dengan responden perempuan, seramai 96.3% mengatakan mereka bersetuju dengan kenyataan ini. 97.4% responden yang beragama Islam

bersetuju dengan kenyataan ini, manakala 93.9% responden yang beragama Buddha juga bersetuju dengan kenyataan tersebut.

4.1.3 Bahasa Melayu penting untuk komunikasi di rantau Asia Tenggara

Bagi soalan ini, didapati angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama juga tidak begitu mempengaruhi sikap responden. Ini kerana perbezaan sikap bagi angkubah-angkubah tersebut sekitar 0.3% ke 5% sahaja. Didapati 97.1% responden dari PSU bersetuju dengan kenyataan ini, manakala 93.5% responden WU juga bersetuju. 95.9% responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu bersetuju dengan kenyataan tersebut, manakala 93.9% responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai turut bersetuju. 95.3% responden perempuan bersetuju, begitu juga dengan responden lelaki, seramai 95% mengatakan mereka bersetuju dengan kenyataan ini. 95.6% responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan ini, manakala 93.9% responden yang beragama Buddha juga bersetuju dengan kenyataan tersebut.

4.1.4 Banyak Bunyi yang Sedap Didengar dalam Bahasa Melayu

Bagi soalan ini, didapati angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama tidak begitu mempengaruhi sikap responden. Ini kerana didapati 97.4% responden WU bersetuju, manakala 97.1% responden dari PSU bersetuju dengan

kenyataan ini. 98.0% responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu bersetuju dengan kenyataan tersebut, manakala 95.9% responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai turut bersetuju. Semua atau 100% responden lelaki bersetuju dengan kenyataan ini, berbanding 96.3% responden perempuan yang bersetuju. 98.2% responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan ini, manakala 93.9% responden yang beragama Buddha juga bersetuju dengan kenyataan tersebut.

4.1.5 Perbincangan

Berdasarkan analisis data yang dihuraikan dalam 4.1.1, 4.1.2, 4.1.3 dan 4.1.4, didapati hampir semua pelajar yang mengikuti kursus bahasa Melayu di PSU dan WU bersikap amat positif terhadap bahasa Melayu. Rata-rata bersetuju dengan kenyataan bahawa bahasa Melayu mudah dipelajari, bahasa Melayu amat menarik, bahasa Melayu penting untuk komunikasi di rantau Asia Tenggara dan banyak bunyi yang sedap didengar dalam bahasa Melayu. Melalui pemerhatian juga telah mengesahkan dapatan ini. Daripada perbualan pengkaji dengan pelajar dan pensyarah, dan pemerhatian semasa mereka mengikuti kelas Bahasa Melayu, menunjukkan pelajar memang bersikap positif terhadap bahasa Melayu.

Sikap positif atau negatif seseorang pelajar terhadap sesuatu bahasa itu, seperti yang telah dibincangkan dalam 2.1.1 dan 2.1.2, biasanya dipengaruhi oleh faktor yang berkaitan dengan ekonomi, status sosial atau nilai prestij. Berdasarkan analisis di atas menunjukkan sikap positif pelajar terhadap bahasa

Melayu ini seolah-olah tidak berkaitan secara langsung dengan faktor-faktor tersebut. Dapatan daripada analisis di atas menunjukkan sebahagian besar responden bersetuju dengan kenyataan-kenyataan umum tentang bahasa Melayu, walaupun sebenarnya di negara Thai bahasa Melayu bertaraf sebagai bahasa kumpulan minoriti, yakni tidak mempunyai nilai ekonomi, status sosial maupun nilai prestij.

Responden dari PSU bersikap lebih positif berbanding dengan responden dari WU. Ini disebabkan PSU terletak di kawasan bahasa Melayu dialek Patani masih digunakan dalam berhubungan dalam konteks tidak formal. Sebaliknya WU terletak di kawasan bukan penutur bahasa Melayu. Bahasa Melayu tidak digunakan dalam perhubungan seharian. Responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu bersikap lebih positif berbanding responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai. Hal ini seperti yang telah dinyatakan oleh Nik Safiah Karim (1988), bahasa ibunda ini mempunyai hubungan emosi dengan seseorang, yang dikenali sebagai perasaan setia kepada bahasanya. Pelajar lelaki bersikap lebih positif daripada pelajar perempuan. Hal ini selaras dengan peranan bahasa Melayu di Selatan Thai yang digunakan sebagai bahasa untuk akad nikah. Bagi lelaki Islam mereka perlu melafazkan nikah dalam bahasa Melayu. Sama juga halnya dengan dapatan yang menunjukkan responden yang beragama Islam bersikap lebih positif berbanding responden yang beragama Buddha. Hal ini disebabkan sejumlah besar responden dalam kajian ini beragama Islam dan bahasa Melayu penting dalam urusan yang berkaitan dengan agama Islam di Selatan Thai.

4.2 Analisis Sebab-Sebab Pelajar Mempelajari Bahasa Melayu

Untuk mengetahui sebab-sebab pelajar mempelajari bahasa Melayu, sebanyak tujuh soalan dalam bentuk kenyataan telah dikemukakan melalui soal selidik Bahagian C soalan 12 kepada pelajar. Jadual 4.3 di bawah menunjukkan jawapan yang telah diberikan oleh responden terhadap soalan tersebut.

Jadual 4.3 : Kekerapan dan Peratusan Persetujuan Terhadap Kenyataan yang Berhubung dengan Sebab Pelajar Mempelajari Bahasa Melayu

Kenyataan	Kekerapan		Peratusan	
	SS/S	STS/ TS	SS/S	STS/ TS
a. Bahasa Melayu merupakan kursus wajib	138	9	93.9	6.1
b. Saya tertarik hati kepada pelajaran Bahasa Melayu	145	2	98.6	1.4
c. Saya suka membaca bahan rujukan yang diberi oleh pensyarah	141	6	95.9	4.1
d. Banyak buku tentang agama (Islam) ditulis dalam bahasa Melayu.	110	37	74.8	25.2
e. Saya lebih berminat mempelajari bahasa berbanding pelajaran lain.	141	6	95.9	4.1
f. Saya berasa mudah untuk mendapat markah tinggi dalam pelajaran Bahasa Melayu	135	12	91.8	8.2

g. Cara guru mengajar menarik minat saya untuk terus belajar bahasa Melayu.	143	4	97.3	2.7
---	-----	---	------	-----

Nota: SS -Sangat Setuju
 S -Setuju
 STS -Sangat Tidak Setuju
 TS -Tidak Setuju

Terdapat banyak sebab pelajar memilih untuk mempelajari atau mengikuti sesuatu kursus bahasa. Pada peringkat universiti, salah satu sebab pelajar mengambil sesuatu kursus/ mata pelajaran itu adalah kerana kursus itu merupakan kursus wajib (*core paper*) atau kerana kursus tersebut merupakan kursus *pilihan* (*optional paper*) dalam bidang yang diikuti. Perkara ini telah ditetapkan oleh setiap jabatan di universiti yang menawarkan kursus. Dalam kajian ini, soalan a. **Bahasa Melayu merupakan kursus wajib** telah dikemukakan kepada responden untuk mengetahui adakah hal ini menjadi sebab utama mereka mempelajari bahasa Melayu. Didapati berdasarkan Jadual 4.3 di atas, seramai 138 orang (93.9%) peratus responden bersetuju dengan kenyataan ini, manakala seramai 9 orang (6.1%) sahaja yang mengikuti kursus ini sebagai mata pelajaran pilihan. Ini bermakna rata-rata responden mengikuti kursus bahasa Melayu adalah kerana keperluan pengajian. Hanya 9 orang (6.1%) sahaja yang mengikuti kursus kerana pilihan sendiri.

Di samping itu, pelajar juga akan mengikuti sesuatu kursus bahasa itu kerana mereka berminat atau tertarik kepada kursus bahasa tersebut. Dalam kajian ini soalan berbentuk kenyataan, iaitu, b. **Saya tertarik hati kepada**

pelajaran Bahasa Melayu telah dikemukakan untuk tujuan tersebut. Didapati berdasarkan Jadual 4.3 di atas, 145 orang responden (98.6) bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 2 orang (1.4%) responden sahaja yang tidak setuju dengan kenyataan ini. Angka di atas jelas menunjukkan hampir semua responden mengikuti kursus bahasa Melayu ini disebabkan mereka minat /tertarik hati kepada mata pelajaran berkenaan. Ini bermakna, walaupun mereka seolah-olah terpaksa mengikuti kursus ini kerana merupakan kursus wajib, tetapi mereka juga memang berminat mempelajari bahasa Melayu.

Bahan rujukan yang diberi oleh pensyarah juga merupakan faktor penyebab pelajar mengikuti sesuatu kursus. Bagi pelajar yang telah mengikuti sesuatu kursus bahasa pada peringkat asas dan kemudian menyambung ke peringkat yang seterusnya, biasanya mereka berbuat demikian kerana mereka telah tahu tentang bagaimana bentuk bahan rujukan yang biasanya disediakan oleh pensyarah yang mengajar kursus bahasa berkenaan. Dalam kajian yang dijalankan, responden merupakan pelajar dari semester tiga hingga semester enam, yakni telah pun mengikuti kursus bahasa Melayu selama dua semester sebelum ini. Didapati berdasarkan Jadual 4.3 di atas, 141 orang (95.9) bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 6 orang (4.1%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Ini bermakna bahan rujukan yang diberi oleh pensyarah memang menjadi salah satu sebab pelajar mempelajari bahasa Melayu.

Fungsi atau peranan sesuatu bahasa juga merupakan sebab pelajar mempelajari bahasa berkenaan. Seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 1, bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam pendidikan dan upacara agama Islam di Selatan Thai. Oleh itu, soalan d. **Banyak buku tentang agama (Islam) ditulis dalam bahasa Melayu** telah dikemukakan kepada responden. Dapatan kajian menunjukkan 110 orang pelajar (74.8%) bersetuju dengan kenyataan ini, manakala 37 orang (25.2%) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, seramai 33 orang responden adalah beragama Buddha, dan didapati semua mereka adalah termasuk dalam golongan yang tidak bersetuju ini. Dapatan ini menunjukkan 110 orang (74.8%) yang bersetuju itu rata-rata adalah responden yang beragama Islam. Sebahagian kecil, iaitu 4 orang sahaja responden yang beragama Islam yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Ada pelajar yang mengikuti kursus bahasa kerana mereka memang lebih berminat mempelajari bahasa berbanding mata pelajaran lain. Dalam kajian ini, perkara tersebut juga cuba ditinjau kebenarannya, dengan mengemukakan soalan e. **Saya lebih berminat mempelajari bahasa berbanding pelajaran lain.** Didapati berdasarkan Jadual 4.3 di atas, 141 orang responden (95.9%) bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 6 orang (4.1%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Ini menunjukkan rata-rata responden yang dikaji memang berminat mempelajari bahasa. Oleh itu, minat mempelajari bahasa juga menjadi antara sebab mereka mempelajari bahasa Melayu.

Mendapat markah tinggi dalam sesuatu kursus yang diambil juga merupakan impian setiap pelajar. Pelajar akan cenderung untuk mengikuti sesuatu kursus bahasa itu apabila dia beranggapan dia mudah untuk mendapat markah yang tinggi dalam peperiksaan kursus bahasa tersebut. Ini secara tidak langsung tentunya membantu dalam usaha mereka untuk mendapat kelulusan yang baik bagi ijazah yang bakal diterima. Oleh itu, soalan f. **Saya berasa mudah untuk mendapat markah tinggi dalam pelajaran Bahasa Melayu** telah dikemukakan kepada pelajar untuk tujuan tersebut. Didapati, berdasarkan Jadual 4.3 di atas, seramai 135 orang (91.8%) bersetuju dengan kenyataan tersebut. Selebihnya, iaitu 12 orang (8.2 %) tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Akhir sekali, cara guru mengajar juga mempengaruhi sikap pelajar dan menjadi sebab kepada pelajar untuk terus mempelajari sesuatu bahasa. Dalam kajian ini, soalan g. **Cara guru mengajar menarik minat saya untuk terus belajar bahasa Melayu**. Didapati, seperti dalam Jadual 4.3 di atas seramai 143 orang responden (97.3%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Hanya 4 orang (2.7%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan cara guru mengajar memang merupakan antara sebab pelajar mempelajari bahasa Melayu.

Untuk membuat analisis yang lebih khusus tentang sebab-sebab pelajar mempelajari bahasa Melayu, analisis dalam bentuk penjadualan bersilang

kenyataan-kenyataan tersebut dengan angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama dikemukakan dalam Jadual 4.4 di bawah.

Jadual 4.4: Peratusan Persetujuan Terhadap Kenyataan Tentang Sebab Pelajar Mempelajari Bahasa Melayu dalam Bentuk Penjadualan Bersilang dengan Angkubah Universiti, Bahasa Ibunda, Jantina dan Agama

Kenyataan	Universiti				Bahasa Ibunda				Jantina				Agama			
	PSU		WU		BT		BM		Lelaki		Perempuan		Islam		Buddha	
	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS
a. Bahasa Melayu merupakan kursus wajib.	92.9	7.1	94.8	5.2	89.9	10.2	95.9	4.1	95.0	5.0	93.5	6.5	96.5	3.5	84.8	15.2
b. Saya tertarik hati kepada pelajaran Bahasa Melayu.	98.6	1.4	98.7	1.3	100	0	98.0	2.0	97.5	2.5	99.1	0.9	98.2	1.8	100	0
c. Saya suka membaca bahan rujukan yang diberi oleh pensyarah.	95.7	4.3	96.1	3.9	91.8	8.2	98.0	2.0	97.5	2.5	95.3	4.7	96.5	3.5	93.9	6.1
d. Banyak buku tentang agama (Islam) ditulis dalam Bahasa Melayu.	84.3	15.7	66.2	33.8	32.7	67.3	95.9	4.1	87.5	12.5	70.0	30.0	96.5	3.5	0	100
e. Saya lebih berminat mempelajari bahasa berbanding pelajaran lain.	94.3	5.7	97.4	2.6	93.9	6.1	96.9	3.1	97.5	2.5	95.3	4.7	95.6	4.4	97.0	3.0
f. Saya berasa mudah untuk mendapat markah tinggi dalam pelajaran Bahasa Melayu	91.4	8.6	92.2	7.8	89.8	10.2	92.9	7.1	90.0	10.0	92.5	2.5	93.0	7.0	87.9	12.1

g. Cara guru mengajar menarik minat saya untuk terus belajar bahasa Melayu	98.6	1.4	96.1	3.9	95.9	4.1	98.0	2.0	97.5	2.5	97.2	2.8	98.2	1.8	93.9	6.1
--	------	-----	------	-----	------	-----	------	-----	------	-----	------	-----	------	-----	------	-----

Nota:

- PSU** - Universiti Prince of Songkla (Pattani)
- WU** - Universiti Walailak
- BT** - Bahasa Thai
- BM** - Bahasa Melayu
- S** - Sangat Setuju/Setuju
- TS** - Tidak setuju

Jadual 4.4 di atas menunjukkan secara terperinci sebab-sebab responden mempelajari bahasa Melayu dengan dirujuk silang dengan angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama.

4.2.1 Bahasa Melayu Merupakan Kursus Wajib

Berdasarkan universiti, seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, seramai 70 orang responden merupakan pelajar PSU dan 77 orang lagi merupakan pelajar WU. Didapati bagi soalan tersebut, sebanyak 92.9 peratus (65 orang) pelajar PSU bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 7.1 peratus (5 orang) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Bagi pelajar WU pula, 94.8 peratus (73 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala 4.2 peratus (4 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Apabila dirujuk silang dengan angkubah bahasa ibunda pula, didapati 89.8 peratus responden (44 orang) yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju dengan kenyataan ini, manakala 10.2 peratus (5 orang) lagi tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu pula 95.9 peratus (94 orang) bersetuju dengan kenyataan ini, manakala 4.1 peratus (4 orang) lagi tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Dalam kajian ini, seramai 107 orang responden adalah perempuan, manakala 40 orang lagi merupakan responden lelaki. Berdasarkan angkubah

jantina, didapati 95.0 peratus (38 orang) responden lelaki bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 5.0 peratus (2 orang) sahaja yang tidak bersetuju. Bagi responden perempuan pula, dari jumlah tersebut 93.5 peratus (100 orang) bersetuju dengan kenyataan yang diberi, manakala selebihnya iaitu 6.5 peratus (7 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini seramai 114 orang responden adalah beragama Islam, manakala hanya 33 orang yang beragama Buddha. Apabila ditinjau dari angkubah agama, didapati 96.5 peratus (110 orang) responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan tersebut, manakala selebihnya iaitu 3.5 peratus (4 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Bagi responden yang beragama Buddha, 84.8 peratus (28 orang) bersetuju dengan kenyataan yang diberi, manakala 15.2 peratus (5 orang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Berdasarkan angka-angka yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4 di atas, menunjukkan walaupun hampir semua responden (93.9 peratus) mempelajari bahasa Melayu kerana mata pelajaran ini merupakan kursus wajib, tetapi apabila diteliti dengan terperinci angkubah-angkubah tertentu turut mempengaruhi peratusan persetujuan tersebut, walaupun tidak ketara. Didapati angkubah agama dan bahasa ibunda mempengaruhi responden.

4.2.2 Saya Tertarik Hati kepada Pelajaran Bahasa Melayu

Bagi soalan ini, bolehlah dikatakan semua angkubah, yakni universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama tidak berpengaruh. Melalui Jadual 4.4 di atas dapat dilihat responden kedua-dua universiti bersetuju dengan kenyataan tersebut dengan sebanyak 98.6 peratus (69 orang) responden dari PSU dan sebanyak 98.2 peratus (76 orang) responden dari WU bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Hanya 1.4 peratus (1 orang) responden dari PSU dan 1.3 peratus (1 orang) responden dari WU yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Apabila diteliti dari angkubah bahasa ibunda pula, didapati semua (100 peratus/49 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju dengan kenyataan tersebut. Bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu pula, 98.0 peratus (96 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya 2.0 peratus (2 orang) yang tidak bersetuju.

Angkubah jantina juga didapati hampir tidak memainkan peranan. Didapati daripada jumlah 40 orang responden lelaki, 97.5 peratus (39 orang) bersetuju dengan kenyataan yang diberi, manakala hanya 2.5 peratus (1 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Hal yang sama juga berlaku kepada responden perempuan. Dari 107 orang responden, 99.1 peratus (106) bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 0.9 peratus (1orang) yang tidak bersetuju bersetuju.

Apabila dilihat dari angkubah agama, juga didapati angkubah ini tidak memainkan peranan. Didapati hampir semua responden bersetuju dengan kenyatan yang dikemukakan, dengan semua (100 peratus/33 orang) responden yang beragama Buddha bersetuju, dan 98.2 peratus (112 orang) responden yang beragama Islam mengatakan mereka bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hanya 1.8 peratus (2 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan.

Apa yang ketara daripada maklumat di atas didapati responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai dan responden yang beragama Buddha seratus peratus mengatakan, sebab mereka mempelajari bahasa Melayu ialah kerana mereka tertarik hati kepada pelajaran bahasa tersebut.

4.2.3 Saya Suka Membaca Bahan Rujukan yang Diberi oleh Pensyarah

Berdasarkan Jadual 4.4 di atas, menunjukkan bagi soalan ini, didapati angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama juga tidak memainkan peranan. Rata-rata responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hanya sebilangan kecil sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Daripada 70 orang responden PSU, didapati 95.7 peratus (67 orang) bersetuju. Bagi responden WU pula, dari jumlah 77 orang tersebut, 96.1 peratus (74 orang) bersetuju. Hanya 4.3 peratus (3 orang) responden PSU dan 3.9 peratus (3 orang) responden WU yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan.

Apabila dilihat dari angkubah bahasa ibunda pula, dari jumlah 49 orang responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai, 91.8 peratus (45 orang) dan 98.0 peratus (96 orang) bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hanya 8.2 peratus (4 orang) responden berbahasa ibunda bahasa Thai dan 2.0 peratus (2 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Berdasarkan angkubah jantina pula, daripada 40 orang responden lelaki, 97.5 peratus (39 orang) bersetuju. Begitu juga dengan responden perempuan, sebanyak 95.3 peratus (102 orang) bersetuju dengan kenyataan di atas. Cuma 2.5 peratus (1 orang) responden lelaki dan 4.7 peratus (5 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Angkubah agama juga didapati tidak memberi sebarang perubahan. Didapati 96.5 peratus (110 orang) responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan ini. Begitu juga dengan responden yang beragama Buddha, sebanyak 93.9 peratus (31 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Hanya 3.5 peratus (4 orang) responden yang beragama Islam dan 6.1 peratus (2 orang) responden yang beragama Buddha yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan.

Berdasarkan angka-angka dalam Jadual 4.4 di atas, jelas menunjukkan hampir keseluruhan responden menyatakan antara sebab mereka mempelajari

bahasa Melayu kerana mereka suka membaca bahan rujukan yang diberi oleh pensyarah.

4.2.4 Banyak Buku tentang Agama (Islam) Ditulis dalam Bahasa Melayu

Jadual 4.4 di atas jelas menunjukkan bahawa soalan yang berhubung dengan perkara ini mempunyai corak jawapan yang berbeza. Ada responden yang bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan dan ada sebahagian lagi tidak bersetuju. Didapati angkubah bahasa ibunda dan agama amat mempengaruhi jawapan responden.

Apabila dilihat daripada angkubah bahasa ibunda, didapati 67.3 peratus (33 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai tidak setuju dengan kenyataan ini. Hanya 32.7 peratus (16 orang) yang bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Sebaliknya bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, 95.9.0 peratus (94 orang) bersetuju dengan kenyataan ini. Sejumlah kecil sahaja yang tidak bersetuju, iaitu sebanyak 4.1 peratus (4 orang).

Jika dilihat daripada angkubah agama pula, didapati 96.5 peratus (110 orang) responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hanya 3.5 peratus sahaja responden yang beragama Islam ini tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Sebaliknya semua (100 peratus/33 orang) responden yang beragama Buddha tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Berdasarkan angkubah universiti, didapati 84.2 peratus (59 orang) responden dari PSU bersetuju, manakala selebihnya 15.8 (11 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden dari WU pula, 66.2 peratus (51 orang) bersetuju, manakala 33.8 peratus (26 orang) lagi tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Angkubah jantina juga menunjukkan dapatan yang agak berbeza. Daripada 40 orang responden lelaki, 87.5 (35 orang) bersetuju dengan kenyataan yang diberi. Ini bermakna hanya 12.5 peratus (5 orang) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Bagi responden perempuan pula, 70.0 peratus (75 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala selebihnya, iaitu 30.0 peratus (32 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Peratusan persetujuan responden yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4 di atas, jelas menunjukkan banyak buku tentang agama (Islam) ditulis dalam bahasa Melayu, menjadi salah satu sebab responden mempelajari bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, hanya responden yang beragama Islam sahaja yang menjadikan perkara tersebut sebagai sebab. Bolehlah dirumuskan, banyaknya buku tentang agama (Islam) ditulis dalam bahasa Melayu menjadi salah satu sebab responden yang beragama Islam mempelajari bahasa Melayu. Sebaliknya kenyataan ini langsung tidak relevan kepada responden yang beragama Buddha. Apabila dilihat dari angkubah bahasa ibunda, didapati responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu bersetuju dengan kenyataan ini. Sebaliknya kebanyakan responden yang

berbahasa ibunda bahasa Thai tidak bersetuju dengan dengan kenyataan ini. Ini disebabkan kebanyakan responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai itu, adalah beragama Buddha. Hanya sebahagian kecil sahaja, iaitu 16 orang (32.7 peratus) yang beragama Islam.

4.2.5 Saya Lebih Berminat Mempelajari Bahasa Berbanding Pelajaran Lain

Minat terhadap bahasa memang merupakan salah satu sebab pelajar mengikuti kursus bahasa. Bagi mengetahui adakah minat terhadap bahasa juga merupakan salah satu sebab responden mempelajari bahasa Melayu.

Untuk tujuan analisis yang lebih terperinci, jawapan yang diberi oleh responden juga telah dirujuk silang dengan angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama. Angka-angka yang tertera dalam Jadual 4.4 di atas menunjukkan minat mempelajari bahasa berbanding pelajaran lain memang merupakan salah satu faktor kebanyakan responden mempelajari bahasa Melayu. Ini kerana didapati lebih daripada 93.0 peratus responden bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan.

Secara terperinci dapat dilihat berdasarkan angkubah universiti, 94.3 peratus (66 orang responden PSU dan 97.4 peratus (75 orang) responden WU bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hanya 5.7 peratus (4 orang) responden PSU

dan 2.6 peratus (2 orang) responden WU yang tidak bersetuju dengan kenyataan itu.

Berdasarkan angkubah bahasa ibunda, 93.9 peratus (46 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai dan 96.9 peratus (95 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Hanya 6.1 peratus (3 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai dan 3.1 peratus (3 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Berdasarkan angkubah jantina pula, didapati 97.5 peratus (39 orang) responden lelaki dan 95.3 peratus responden perempuan bersetuju dengan kenyataan yang diberi. Hanya 2.5 peratus (1 orang) responden lelaki dan 4.7 peratus (5 orang) responden perempuan yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Akhir sekali, apabila dilihat berdasarkan angkubah agama, 95.6 peratus (109 orang) responden yang beragama Islam dan 97.0 peratus (32 orang) responden yang beragama Buddha bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Manakala hanya 4.4 peratus (5 orang) responden yang beragama Islam dan 3.0 peratus (1 orang) responden yang beragama Buddha yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Ini menunjukkan salah satu sebab responden mempelajari bahasa Melayu adalah kerana mereka lebih berminat mempelajari mata pelajaran bahasa berbanding pelajaran lain.

4.2.6 Saya Berasa Mudah untuk Mendapat Markah Tinggi dalam Pelajaran Bahasa Melayu

Pelajar-pelajar biasanya juga akan memilih untuk mempelajari sesuatu bahasa apabila mereka berpendapat mereka mudah untuk mendapat markah tinggi atau baik bagi mata pelajaran bahasa tersebut. Keadaan ini memang satu fenomena biasa di universiti, tambahan pula sekiranya pelajar berkenaan telahpun mengikuti kursus bahasa yang berkenaan sebelumnya. Ini menyebabkan bagi pelajar yang pernah mengikuti kursus bahasa tersebut akan terus mengambil kursus bahasa berkenaan pada tahap yang lebih tinggi.

Responden telah dikemukakan soalan yang berhubung perkara ini. Didapati daripada jawapan responden memang faktor ini juga menjadi salah satu sebab responden mengikuti kursus bahasa Melayu. Apabila dirujuk silang dengan keempat-empat angkubah berkenaan, angkubah bahasa ibunda dan agama agak mempengaruhi jawapan responden.

Berdasarkan angkubah bahasa ibunda didapati, 92.9 peratus (91 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu bersetuju dengan kenyataan ini. Bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai pula peratusan yang

bersetuju dengan kenyataan ini hampir 3 peratus lebih rendah, iaitu 89.8 peratus (44 orang). Responden yang tidak bersetuju pula 10.2 peratus (5 orang) bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai dan 7.1 peratus (7 orang) bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu.

Berdasarkan angkubah agama, responden yang beragama Buddha mempunyai peratusan persetujuan bagi kenyataan ini 5.1 peratus lebih rendah, yakni 93.0 peratus (106 orang) responden yang beragama Islam bersetuju, dan 87.9 peratus (29 orang) responden yang beragama Buddha bersetuju dengan kenyataan ini.

Jadual 4.4 di atas menunjukkan angkubah universiti dan jantina, tidak menimbulkan sebarang perbezaan yang ketara terhadap jawapan responden. Lebih daripada 90.0 peratus responden bersetuju dengan kenyataan ini. Sebanyak 91.4 peratus (64 orang) responden PSU dan 92.2 peratus (71 orang) responden WU bersetuju dengan kenyataan ini. Berdasarkan angkubah jantina pula, 90.0 peratus (36 orang) responden lelaki dan 92.5 peratus (99 orang) responden perempuan bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan.

Jumlah responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan amat sedikit. Berdasarkan angkubah universiti, didapati 8.6 peratus (6 orang) responden PSU dan 7.8 peratus (6 orang) responden WU tidak bersetuju. Berdasarkan angkubah jantina pula, hanya 10.0 peratus (4 orang)

responden lelaki dan 7.5 peratus (8 orang) responden perempuan yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Huraian berdasarkan Jadual 4.4 di atas menunjukkan salah satu sebab responden mempelajari bahasa Melayu kerana mereka beranggapan mudah untuk mendapat markah tinggi bagi mata pelajaran ini.

4.2.7 Cara Guru Mengajar Menarik Minat Saya untuk Terus Belajar Bahasa Melayu

Cara guru mengajar memang memainkan peranan dan menjadi sebab kepada pelajar, sama ada untuk terus mempelajari sesuatu kursus bahasa atau tidak. Dalam kajian ini didapati lebih daripada 93.0 peratus responden bersetuju dengan kenyataan cara guru mengajar menarik minat mereka untuk terus belajar bahasa Melayu. Apabila dirujuk silang jawapan responden dengan keempat-empat angkubah, yakni universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama didapati tidak ada sebarang perbezaan yang ketara.

Rata-rata responden bersetuju dengan soalan yang dikemukakan. Berdasarkan angkubah universiti, 98.6 peratus (69 orang) responden PSU dan 96.1 peratus (74 orang) responden WU bersetuju dengan kenyataan tersebut. Dilihat dari angkubah bahasa ibunda, 95.9 peratus (47 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai dan 98.0 peratus (96 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan.

Berdasarkan angkubah jantina, 97.5 peratus (39 orang) responden lelaki dan 97.2 peratus (104 orang) responden perempuan bersetuju. Akhir sekali, berdasarkan angkubah agama, 98.2 peratus (112 orang) responden yang beragama Islam dan 93.9 peratus (31 orang) juga bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Hanya sebahagian kecil responden sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan *cara guru mengajar menarik minat saya untuk terus belajar bahasa Melayu*. Berdasarkan angkubah universiti, 1.4 peratus (seorang) responden PSU dan 3.9 peratus (3 orang) responden WU tidak bersetuju. Dilihat daripada angkubah bahasa ibunda pula, 4.1 peratus responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai dan 2.0 peratus (2 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu tidak bersetuju. Berdasarkan angkubah jantina, didapati 2.5 peratus (1 orang responden lelaki dan 2.8 peratus (3 orang) responden perempuan tidak bersetuju. Akhir sekali, berdasarkan angkubah agama, hanya 1.8 peratus (2 orang) responden yang beragama Islam dan 6.1 peratus (2 orang) responden yang beragama Buddha tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan.

Dapatan daripada Jadual 4.4 danuraian di atas membuktikan dengan jelas cara guru mengajar menarik minat responden untuk terus belajar bahasa Melayu.

4.2.8 Perbincangan

Melalui analisis dalam 4.2.1, 4.2.2, 4.2.3, 4.2.3, 4.2.4, 4.2.5, 4.2.6 dan 4.2.7 menunjukkan keseluruhan responden bersetuju dengan sebab-sebab mereka mempelajari bahasa Melayu, iaitu bahasa Melayu merupakan kursus wajib, tertarik hati kepada pelajaran bahasa Melayu, suka membaca bahan rujukan yang diberi oleh pensyarah, banyak buku agama (Islam) ditulis dalam bahasa Melayu, lebih berminat mempelajari bahasa berbanding pelajaran lain, mudah untuk mendapat markah tinggi dan cara guru mengajar menarik minat mereka untuk terus mempelajari bahasa Melayu.

Hasil daripada rujuk silang keempat-empat angkubah tersebut menunjukkan peratusan persetujuan lebih tinggi di kalangan responden PSU berbanding peratusan persetujuan responden dari WU. Dapatan ini menunjukkan kedudukan universiti mempengaruhi peratusan persetujuan responden. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini WU terletak di kawasan penutur bahasa Thai, manakala PSU terletak di kawasan bahasa Melayu (dialek Patani) masih digunakan dalam urusan harian dalam konteks tidak formal. Angkubah bahasa ibunda jelas tidak mempengaruhi sikap responden. Sebagai contoh dalam 4.2.2 menunjukkan semua responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai mengatakan mereka tertarik hati kepada bahasa Melayu, walaupun bahasa Melayu bukan bahasa ibunda mereka. Mereka mempelajari bahasa Melayu kerana faktor yang bersifat instrumental.

Angkubah agama amat mempengaruhi dapatan kajian. Sebagai contoh dalam 4.2.2 menunjukkan semua responden yang beragama Buddha bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka tertarik hati kepada bahasa Melayu, dan semua responden yang beragama Buddha ini tidak bersetuju dengan kenyataan **Banyak buku tentang agama (Islam) ditulis dalam bahasa Melayu sebagai sebab mereka mempelajari bahasa itu.** Dapatan ini menunjukkan bagi responden yang beragama Buddha, mereka sebab mereka mempelajari bahasa ini betul-betul kerana mereka minat untuk mempelajari bahasa tersebut dan faktor agama langsung tidak relevan dengan sebab mereka mempelajari bahasa Melayu. Sebaliknya bagi responden yang beragama Islam, menunjukkan salah satu sebab mereka mempelajari bahasa Melayu adalah kerana banyaknya buku agama (Islam) ditulis dalam bahasa itu. Keadaan ini sejajar dengan fungsi bahasa Melayu di Selatan Thai, yang mempunyai kaitan yang rapat dengan agama Islam.

4.3 Analisis Faktor yang Menjadi Motivasi Pelajar Mempelajari Bahasa Melayu

Dalam kajian ini, analisis yang berkaitan faktor yang menjadi motivasi pelajar mempelajari bahasa Melayu akan ditinjau berdasarkan motivasi integratif, motivasi instrumental dan motivasi yang bersifat kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang.

Motivasi yang bersifat kesetiaan kepada bahasa ibunda/ nenek moyang atau etnosentrisme, biasanya terjadi dalam konteks mempelajari bahasa ibunda atau bahasa pertama. Dalam kajian ini, faktor ini perlu dianalisis kerana hal ini mempunyai perkaitan dengan sebahagian besar responden yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing di universiti berkenaan. Bahasa Melayu dialek Patani merupakan bahasa sebahagian besar nenek moyang responden dan pada masa yang sama sebagai bahasa kumpulan minoriti di negara tempat kajian.

4.3.1 Motivasi Integratif

Sebanyak lima soalan berbentuk kenyataan yang bersifat motivasi integratif telah dikemukakan untuk mengukur motivasi responden melalui soal selidik Bahagian C soalan 12. Jadual 4.5 di bawah menunjukkan motivasi integratif memainkan peranan terhadap sikap pelajar mempelajari bahasa Melayu.

Jadual 4.5 : Kekerapan dan Peratusan Motivasi yang Berorientasi Integratif

Kenyataan	Kekerapan		Peratusan	
	SS/S	STS/TS	SS/S	STS/TS
m. Belajar Bahasa Melayu penting bagi saya untuk membolehkan saya berhubung di kampung/daerah tempat tinggal saya.	107	40	72.8	27.2
n. Belajar bahasa Melayu dapat memudahkan saya berhubung kerana saya bercadang untuk berkahwin dengan Thai Muslim.	102	45	69.4	30.6
o. Belajar Bahasa Melayu penting bagi saya untuk memudahkan saya berhubung dengan golongan tua di kalangan Thai Muslim.	109	38	74.1	25.9
q. Belajar bahasa Melayu penting bagi saya kerana kebanyakan rakan-rakan saya suka berfutur menggunakan bahasa Melayu dialek Patani.	123	24	83.7	16.3
r. Belajar bahasa Melayu penting bagi saya untuk memudahkan saya berhubung dengan kawan-kawan dan saudara mara yang tinggal di sempadan Malaysia.	127	20	86.4	13.6

Nota: SS -Sangat Setuju
 S -Setuju
 STS -Sangat Tidak Setuju
 TS -Tidak Setuju

Motivasi integratif terhadap mempelajari bahasa Melayu diukur melalui lima aspek, iaitu untuk berhubung di kampung/daerah tempat tinggal, berhubung atas alasan perkahwinan dengan Thai Muslim, berhubung dengan golongan tua di

kalangan Thai Muslim, berhubung dengan rakan yang sering bertutur menggunakan bahasa Melayu dialek Patani dan berhubung dengan rakan dan saudara mara yang tinggal di sempadan Malaysia.

Jadual 4.5 di atas menunjukkan secara umum motivasi integratif memang mempengaruhi pelajar mempelajari bahasa Melayu. Seramai 107 orang (72.8 peratus) bersetuju dan selebihnya 40 orang (27.2 peratus) tidak bersetuju dengan kenyataan bahasa Melayu penting kepada responden untuk berhubung di kampung/daerah tempat tinggal. Motivasi responden belajar bahasa Melayu juga adalah untuk tujuan berhubung atas alasan perkahwinan dengan Thai Muslim. Ini dipersetujui oleh seramai 102 orang (69.4 peratus), manakala 45 orang (30.6 peratus) tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Di Selatan Thai, bahasa Melayu umumnya digunakan apabila berhubung dengan golongan tua di kalangan Thai Muslim. Oleh itu, hal ini juga menjadi motivasi responden dalam mempelajari bahasa Melayu. Jadual 4.5 di atas menunjukkan 109 orang (74.1peratus) bersetuju dan 38 orang (25.9 peratus) lagi tidak bersetuju dengan kenyataan 0. Selain daripada untuk berhubung dengan golongan tua, rakan-rakan juga mempengaruhi responden. Ini kerana 123 orang (83.7 peratus) bersetuju dan hanya 24 orang (16.3 peratus) yang tidak bersetuju dengan kenyataan Bahasa Melayu penting kepada responden kerana kebanyakan rakan sering bertutur menggunakan bahasa Melayu dialek Patani.

Akhir sekali, dapatan ini juga menunjukkan motivasi pelajar mempelajari bahasa Melayu adalah untuk berhubung dengan rakan dan saudara mara yang tinggal di sempadan Malaysia. Ini dipersetujui oleh seramai 127 orang (86.4 peratus) responden, manakala selebihnya, iaitu 20 orang (13.6 peratus) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan.

Untuk penelitian yang lebih khusus tentang motivasi responden mempelajari bahasa Melayu, analisis dalam bentuk penjadualan bersilang dengan angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama bagi kenyataan yang bersifat motivasi integratif ini dibuat. Jadual 4.6 di bawah menunjukkan sejauh mana angkubah-angkubah berkenaan mempengaruhi ukuran motivasi integratif responden.

Jadual 4.6: Peratusan Motivasi Integratif dalam Bentuk Penjadualan Bersilang dengan Angkubah Universiti, Bahasa Ibunda, Jantina dan Agama

Kenyataan	Universiti				Bahasa Ibunda				Jantina				Agama			
	PSU		WU		BT		BM		Lelaki		Perempuan		Islam		Buddha	
	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS
m. Belajar Bahasa Melayu penting bagi saya untuk membolehkan saya berhubung di kampung/ daerah tempat tinggal saya.	78.6	21.4	67.5	32.5	34.7	65.3	91.8	8.2	90.0	10.0	66.4	33.6	86.0	14.0	27.3	72.7
n. Belajar bahasa Melayu dapat memudahkan saya berhubung kerana saya bercadang untuk berkahwin dengan Thai Muslim	70.0	30.0	68.8	31.2	38.8	61.2	84.7	15.3	77.5	22.5	66.4	33.6	83.3	16.7	9.0	90.1
o. Belajar bahasa Melayu penting bagi saya untuk memudahkan saya berhubung dengan golongan tua di kalangan Thai Muslim.	81.4	18.6	80.5	19.5	46.9	53.1	98.0	2.0	92.5	7.5	76.6	23.4	93.9	6.1	21.2	78.8
q. Belajar bahasa Melayu penting bagi saya kerana kebanyakan rakan-rakan saya suka bertutur menggunakan bahasa Melayu dialek Patani	92.9	7.1	75.3	24.7	55.1	44.9	98.0	2.0	100	0	77.6	22.4	95.6	4.4	30.3	69.7

r. Belajar Bahasa Melayu penting bagi saya untuk memudahkan saya berhubung dengan kawan-kawan dan saudara mara yang tinggal di sempadan Malaysia.	94.3	5.7	79.2	20.8	59.2	40.8	100	0	100	0	81.3	18.7	98.2	1.8	24.2	75.8
---	------	-----	------	------	------	------	-----	---	-----	---	------	------	------	-----	------	------

Nota: PSU - Universiti Prince of Songkla (Pattani)
 WU - Universiti Walailak
 BT - Bahasa Thai
 BM - Bahasa Melayu
 S - Sangat Setuju/Setuju
 TS - Tidak setuju

Motivasi responden mempelajari bahasa Melayu secara umum memang bersifat integratif. Walau bagaimanapun, beberapa angkubah didapati mempengaruhi responden. Jadual 4.6 di atas menunjukkan secara terperinci peratusan motivasi integratif yang dirujuk silang dengan angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama.

4.3.1.1 Bahasa Melayu Penting untuk Membolehkan Saya Berhubung di Kampung/Daerah Tempat Tinggal Saya

Soalan ini dikemukakan untuk melihat adakah motivasi responden belajar bahasa Melayu untuk tujuan berhubung di kampung atau daerah tempat tinggal mereka. Berdasarkan Jadual 5.6, didapati 78.6 peratus (55 orang) responden dari PSU bersetuju dengan kenyataan ini. Selebihnya 21.4 peratus (15 orang) tidak bersetuju. Bagi responden WU pula, 67.5 peratus (52 orang) bersetuju, manakala 32.5 peratus (25 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Ini menunjukkan angkubah universiti berpengaruh, walaupun jurang perbezaannya tidak besar. Walau bagaimanapun, peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini adalah jauh lebih besar daripada peratusan responden yang tidak bersetuju bagi kedua-dua universiti.

Angkubah bahasa ibunda didapati berpengaruh. Hanya 34.7 peratus (17 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju dengan kenyataan belajar bahasa Melayu untuk tujuan berhubung di kampung atau daerah tempat tinggal. Sebaliknya sebahagian besar iaitu 65.3 peratus (32 orang) tidak bersetuju

dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, 91.8 peratus (90 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya sebahagian kecil iaitu 8.2 peratus (8 orang) yang tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan angkubah bahasa ibunda amat berpengaruh. Responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu amat bersetuju dengan kenyataan ini, manakala sebahagian besar responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan.

Berdasarkan angkubah jantina pula, didapati 90 peratus (36 orang) responden lelaki bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 10 peratus (4 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden perempuan pula, 66.4 peratus (71 orang) bersetuju, manakala 33.6 (36 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatkan ini menunjukkan motivasi responden lelaki lebih tinggi dan mereka menggunakan bahasa Melayu untuk tujuan berhubung di kampung atau daerah tempat tinggal mereka. Jika dibandingkan dengan responden perempuan, hanya 66.4 peratus sahaja yang bersetuju. Walau bagaimanapun, jumlah responden lelaki hanya 40 orang berbanding responden perempuan seramai 107 orang.

Jadual 4.6 di atas juga mengesahkan bahawa angkubah agama amat berpengaruh. Dalam kajian ini seramai 114 orang responden adalah beragama Islam, manakala hanya 33 orang yang beragama Buddha. Dari jumlah tersebut,

sebanyak 86.0 peratus (98 orang) responden yang beragama Islam bersetuju, manakala hanya 14 peratus (16 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Keadaan sebaliknya pula berlaku, bagi responden yang beragama Buddha sebanyak 27.3 peratus (9 orang) sahaja yang bersetuju dengan kenyataan ini, manakala selebihnya iaitu 72.7 peratus (24 orang), yakni sebahagian besar tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Ini menunjukkan bagi responden yang beragama Islam, motivasi mereka mempelajari bahasa Melayu memang bersifat integratif, yakni mereka menggunakan bahasa ini untuk berhubung. Sebaliknya bagi responden yang beragama Buddha, motivasi mereka mempelajari bahasa Melayu bukanlah untuk tujuan berhubung di kampung atau daerah tempat tinggal mereka.

4.3.1.2 Bahasa Melayu Dapat Memudahkan Saya Berhubung kerana Saya Bercadang untuk Berkahwin dengan Thai Muslim

Soalan ini dikemukakan untuk mengetahui sejauh mana motivasi integratif mempengaruhi responden untuk mempelajari bahasa Melayu. Ini kerana dalam urusan perkahwinan di kalangan umat Islam di Thailand, didapati di kebanyakan daerah, bahasa perhubungan yang digunakan adalah bahasa Melayu. Ini kerana generasi tua masih menggunakan bahasa Melayu dalam segala urusan kehidupan. Berdasarkan Jadual 4.6 di atas, dapat dilihat dapatan bagi soalan tersebut dalam bentuk peratusan penjadualan bersilang dengan angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama.

Berdasarkan angkubah universiti, didapati 70.0 peratus (49 orang) responden PSU bersetuju, manakala selebihnya iaitu 30.0 peratus (21 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden dari WU pula, 68.8 peratus (53 orang) bersetuju, manakala selebihnya 31.2 peratus (24 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Apabila dilihat berdasarkan angkubah bahasa ibunda, didapati 38.8 peratus (19 orang) responden sahaja yang bersetuju, manakala sebahagian besar, iaitu 61.2 peratus (30 orang) tidak bersetuju. Bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, sebanyak 84.7 peratus (83 orang) bersetuju, manakala selebihnya iaitu 15.3 peratus (15 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Ini menunjukkan bahasa ibunda amat mempengaruhi jawapan responden.

Seramai 40 orang responden adalah lelaki dan 114 lagi perempuan. Berdasarkan angkubah jantina, didapati 77.5 peratus (31 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala selebihnya 22.5 peratus (9 orang) tidak bersetuju. Bagi responden perempuan pula, seramai 66.4 peratus (71 orang) bersetuju, manakala selebihnya 33.6 peratus (36 orang) tidak bersetuju. Peratusan ini menunjukkan angkubah jantina mempengaruhi dapatan kajian, namun jumlah respons lelaki begitu sedikit berbanding responden lelaki.

Akhir sekali, ialah angkubah agama. Didapati angkubah agama amat mempengaruhi dapatan kajian. Bagi responden yang beragama Islam, sebanyak 83.3 peratus (95 orang) bersetuju. Selebihnya, iaitu sebanyak 16.7 peratus (19 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Sebaliknya pula, bagi responden yang beragama Buddha, hanya 9.0 peratus (3 orang) bersetuju dengan kenyataan ini, manakala 90.1 peratus (30 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Peratusan di atas menunjukkan angkubah bahasa ibunda dan agama dengan jelas mempengaruhi dapatan kajian. Ini bermakna bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu dan yang beragama Islam, belajar bahasa Melayu dapat memudahkan mereka berhubung kerana mereka bercadang untuk berkahwin dengan Thai Muslim. Ini bermakna motivasi mereka mempelajari bahasa Melayu memang bersifat integratif.

4.3.1.3 Bahasa Melayu Penting Bagi Saya untuk Memudahkan Berhubung dengan Golongan Tua di Kalangan Thai Muslim

Hasil daripada pemerhatian dan kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini, di kalangan golongan tua Thai Muslim, mereka masih menggunakan bahasa Melayu untuk berhubung dalam segala urusan harian mereka. Oleh itu, soalan ini telah dikemukakan dalam kajian ini.

Berdasarkan Jadual 4.6 di atas, dapat dilihat dapatan tentang soalan ini dalam bentuk penjadualan bersilang dengan angkubah universiti, bahasa ibunda,

jantina dan agama. Apabila ditinjau dari angkubah universiti, didapati bagi responden PSU, 81.4 peratus (57 orang) bersetuju manakala selebihnya, iaitu 18.6 peratus tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden WU pula, 80.5 peratus (62 orang) bersetuju, dan selebihnya 19.5 peratus (15 orang) tidak bersetuju. Ini menunjukkan berdasarkan angkubah universiti, memang jelas motivasi kebanyakan responden mempelajari bahasa Melayu adalah untuk memudahkan mereka berhubung dengan golongan tua di kalangan Thai Muslim.

Berdasarkan angkubah bahasa ibunda pula, didapati bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai jumlah responden yang bersetuju dengan kenyataan ini sedikit berbanding dengan bilangan yang tidak bersetuju. Sebanyak 46.9 peratus (23 orang) bersetuju, manakala bilangan yang tidak bersetuju pula seramai 53.1 peratus (26 orang). Sebaliknya pula, bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, 98.0 peratus (96 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya 2.0 peratus (2 orang) yang tidak bersetuju. Ini menunjukkan angkubah bahasa ibunda jelas mempengaruhi motivasi responden.

Berdasarkan angkubah jantina, didapati sebanyak 92.5 peratus (37 orang) responden lelaki bersetuju, manakala hanya 7.5 peratus (3 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Bagi responden perempuan pula, 76.6 peratus (82 orang) bersetuju, manakala selebihnya 23.4 peratus (25 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan.

Didapati angkubah agama amat mempengaruhi motivasi responden. Bagi responden yang beragama Islam, sebanyak 93.9 peratus (107 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya 6.1 peratus (7 orang) sahaja yang tidak bersetuju. Sebaliknya bagi responden yang beragama Buddha, sebanyak 21.2 peratus (7 orang) bersetuju, manakala sebahagian besar, iaitu 78.8 peratus (26 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

4.3.1.4 **Bahasa Melayu Penting Bagi Saya kerana Kebanyakan Rakan-rakan Saya Suka Bertutur Menggunakan Bahasa Melayu Dialek Patani**

Soalan ini dikemukakan untuk memastikan sama ada berhubung dengan rakan-rakan turut menjadi motivasi responden mempelajari bahasa Melayu. Melalui Jadual 4.6 di atas, dapat dilihat dapatan tentang soalan ini dalam bentuk penjadualan bersilang dengan angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama.

Berdasarkan angkubah universiti, didapati 92.9 peratus (65 orang) responden PSU bersetuju, manakala hanya 7.1 peratus (5 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden WU pula, 75.3 peratus (58 orang) bersetuju, manakala 24.7 peratus (19 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Ini menunjukkan berhubung dengan rakan-rakan memang menjadi motivasi responden kedua-dua universiti belajar bahasa

Melayu dan angkubah universiti tidak mempengaruhi kadar persetujuan dalam kajian ini.

Berdasarkan angkubah bahasa ibunda pula, didapati sebanyak 55.1 peratus (27 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju, manakala 44.9 peratus (22 orang) tidak bersetuju. Bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu pula, 98.0 peratus (96 orang) bersetuju, manakala hanya 2.0 peratus (2 orang) yang tidak bersetuju. Ini menunjukkan walaupun dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan responden bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, namun angkubah bahasa ibunda masih mempengaruhi dapatan kajian. Terdapat perbezaan yang ketara dari segi jumlah responden yang bersetuju berdasarkan angkubah bahasa ibunda ini.

Ditinjau dari angkubah jantina, didapati semua responden lelaki, yakni 100 peratus (40 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala bagi responden perempuan 77.6 peratus (83 orang) bersetuju, manakala selebihnya, iaitu 22.4 peratus (24 orang) tidak bersetuju. Dapatan ini menunjukkan, bagi responden lelaki motivasi mereka mempelajari bahasa Melayu adalah kerana rakan-rakan mereka suka bertutur dalam bahasa Melayu dialek Patani. Dengan kata lain, angkubah jantina memang mempengaruhi dapatan kajian.

Dilihat dari angkubah agama pula, didapati bagi responden yang beragama Islam 95.6 peratus (109 orang) bersetuju, manakala selebihnya 4.4 peratus (5 orang) tidak bersetuju. Bagi responden yang beragama Buddha, 30.3 peratus (10 orang) bersetuju, manakala 69.7 peratus (23 orang) tidak bersetuju. Ini menunjukkan bagi responden yang beragama Islam, jelas sekali motivasi mereka mempelajari bahasa Melayu juga adalah untuk berhubung dengan rakan-rakan. Sebaliknya pula, bagi responden yang beragama Buddha berhubung dengan rakan-rakan tidak menjadi motivasi mereka mempelajari bahasa Melayu. Angka-angka di atas juga menunjukkan angkubah agama begitu mempengaruhi dapatan kajian.

4.3.1.5 **Bahasa Melayu Penting Bagi Saya untuk Memudahkan Saya Berhubung dengan Kawan-Kawan dan Saudara Mara yang Tinggal di Sempadan Malaysia.**

Soalan ini hampir sama dengan soalan yang dikemukakan sebelum ini, iaitu berhubung dengan rakan-rakan. Walau bagaimanapun, soalan ini lebih terperinci, iaitu berhubung dengan kawan-kawan dan saudara mara yang tinggal di sempadan Malaysia. Berdasarkan Jadual 4.6 di atas, dapat dilihat dapatan tentang soalan ini dalam bentuk penjadualan bersilang dengan angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama.

Berdasarkan angkubah universiti, didapati 94.3 peratus (66 orang) responden PSU bersetuju, manakala hanya 5.7 peratus (4 orang) yang tidak

bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden WU pula, 79.2 peratus (61 orang) bersetuju, manakala 20.8 peratus (16 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Ini menunjukkan berhubung dengan kawan-kawan dan saudara mara yang tinggal di sempadan Malayisa memang menjadi motivasi responden kedua-dua universiti belajar bahasa Melayu dan angkubah universiti tidak begitu mempengaruhi kadar persetujuan dalam kajian ini.

Berdasarkan angkubah bahasa ibunda pula, didapati sebanyak 59.2 peratus (29 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju, manakala 40.8 peratus (20 orang) tidak bersetuju. Bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu pula 98.0 peratus (96 orang) bersetuju, manakala hanya 2.0 peratus (2 orang) yang tidak bersetuju. Didapati walaupun dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan responden bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, namun angkubah bahasa ibunda masih mempengaruhi dapatan kajian. Terdapat perbezaan yang ketara dari segi jumlah responden yang bersetuju berdasarkan angkubah bahasa ibunda ini.

Dilihat dari angkubah jantina, didapati semua responden lelaki yakni 100 peratus (40 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala bagi responden perempuan, 81.3 peratus (87 orang) bersetuju, manakala selebihnya, iaitu 18.7 peratus (20 orang) tidak bersetuju. Dapatan ini menunjukkan, bagi responden lelaki motivasi mereka mempelajari bahasa Melayu adalah untuk

memudahkan mereka berhubung dengan kawan dan saudara mara yang tinggal di sempadan Malaysia. Dengan kata lain, angkubah jantina memang mempengaruhi dapatan kajian.

Berdasarkan angkubah agama pula, didapati bagi responden yang beragama Islam 98.2 peratus (112 orang) bersetuju, manakala hanya 1.8 peratus (2 orang) tidak bersetuju. Bagi responden yang beragama Buddha, 24.2 peratus (8 orang) bersetuju, manakala 75.8 peratus (25 orang) tidak bersetuju. Ini menunjukkan bagi responden yang beragama Islam, jelas sekali motivasi mereka mempelajari bahasa Melayu juga adalah untuk berhubung dengan kawan dan saudara mara yang tinggal di sempadan Malaysia. Sebaliknya pula bagi responden yang beragama Buddha, perkara ini tidak menjadi motivasi mereka mempelajari bahasa Melayu. Angka-angka di atas juga menunjukkan angkubah agama begitu mempengaruhi dapatan kajian.

4.3.1.6 Perbincangan

Berdasarkan analisis data dalam 4.3.1.1, 4.3.1.2, 4.3.1.3, 4.3.1.4 dan 4.3.1.5 menunjukkan motivasi pelajar mempelajari bahasa Melayu memang bersifat integratif. Motivasi pelajar mempelajari bahasa Melayu adalah, untuk berhubung di kampung/daerah tempat tinggal, berhubung atas alasan perkahwinan dengan Thai Muslim, berhubung dengan golongan tua di kalangan Thai Muslim, berhubung dengan rakan yang sering bertutur menggunakan bahasa Melayu

dialek Patani dan berhubung dengan rakan dan saudara mara yang tinggal di sempadan Malaysia.

Rujuk silang yang dibuat berdasarkan angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama dalam Jadual 4.6 menunjukkan, peratus persetujuan responden dari PSU lebih tinggi berbanding peratus persetujuan responden dari WU. Ini menunjukkan, kedudukan PSU yang terletak di kawasan bahasa Melayu dialek Patani dan kedudukan WU yang terletak di kawasan penutur bahasa Thai, merupakan faktor yang mempengaruhi dapatan ini.

Angkubah bahasa ibunda, didapati begitu mempengaruhi dapatan kajian. Responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu amat bersetuju dengan semua kenyataan-kenyataan yang bersifat integratif ini. Sebaliknya majoriti responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai, tidak bersetuju dengan hampir kesemua kenyataan tersebut. Ini menunjukkan, bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu,, motivasi mereka mempelajari bahasa itu bersifat integratif.

Berdasarkan angkubah jantina pula didapati majoriti responden bersetuju dengan kenyataan yang bersifat integratif ini. Namun begitu didapati peratusan persetujuan lebih tinggi di kalangan responden lelaki. Bagi kenyataan q. danr., semua responden lelaki amat bersetuju dengan kenyataan ini, iaitu mereka suka bertutur menggunakan bahasa Melayu dialek Patani dan bahasa Melayu penting untuk memudahkan mereka berhubung dengan kawan dan saudara mara yang

tinggal di sempadan Malaysia. Dapatan ini menunjukkan rasa taat setia kepada ibunda lebih tebal di kalangan responden lelaki, berbanding dengan responden perempuan. Walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa kumpulan minoriti dan tidak mempunyai nilai ekonomi, status sosial maupun nilai prestij, mereka masih setia untuk menggunakannya.

Angkubah agama begitu mempengaruhi dapatan kajian. Majoriti responden yang beragama Buddha tidak bersetuju dengan semua kenyataan yang bersifat integratif ini. Ini menjelaskan bahawa, motivasi responden yang beragama Buddha mempelajari bahasa Melayu ini bukanlah bersifat integratif. Hal ini disebabkan bahasa Melayu tidak digunakan dalam urusan agama Buddha dan tidak digunakan untuk berinteraksi sesama mereka. Bagi responden yang beragama Islam, faktor yang bersifat integratif mempengaruhi mereka mempelajari bahasa Melayu, kerana bahasa Melayu digunakan dalam urusan agama Islam.

4.3.2 Motivasi Instrumental

Sebanyak lapan soalan berbentuk kenyataan yang bersifat motivasi instrumental telah dikemukakan untuk mengukur motivasi instrumental responden melalui soal selidik Bahagian C soalan 12. Jadual 4.7 di bawah menunjukkan faktor yang bersifat motivasi instrumental terhadap sikap pelajar mempelajari bahasa Melayu.

Jadual 4.7 : Kekerapan dan Peratusan Motivasi yang Berorientasi Instrumental

Kenyataan	Kekerapan		Peratusan	
	SS/S	STS/TS	SS/S	STS/TS
a.Saya bercadang untuk bekerja di Malaysia.	131	16	89.1	10.9
b.Saya bercadang untuk melanjutkan pelajaran ke kolej/universiti di Malaysia.	121	26	82.3	17.7
c.Saya bercadang untuk bermiaga dan berdagang di Malaysia.	107	40	72.8	27.2
d.Dengan mengikuti kursus bahasa Melayu memudahkan saya mendapat pekerjaan di Selatan Thai.	128	19	87.1	12.9
e.Pengetahuan bahasa Melayu memudahkan saya berdakwah.	85	62	57.8	42.2
f.Pengetahuan bahasa Melayu memudahkan saya mendapat maklumat dan hiburan dari media (spt. TV, radio, akhbar) dari Malaysia.	135	12	91.8	8.2
j.Bagi saya belajar bahasa Melayu penting kerana bahasa Melayu perlu terus digunakan dalam upacara keagamaan.	105	42	71.4	28.6
p.Belajar bahasa Melayu penting bagi saya untuk membolehkan saya terlibat dengan aktiviti-aktiviti masjid dan keagamaan.	107	40	72.8	27.2

Nota: SS -Sangat Setuju
 S -Setuju
 STS -Sangat Tidak Setuju
 TS -Tidak Setuju

Motivasi instrumental terhadap mempelajari bahasa Melayu diukur berdasarkan lapan kenyataan, iaitu bercadang untuk bekerja di Malaysia, melanjutkan pelajaran ke kolej/universiti di Malaysia, mendapat pekerjaan di Selatan Thai, memudahkan berdakwah, mendapat maklumat dan hiburan (TV, radio, akhbar) dari Malaysia, bahasa Melayu perlu terus digunakan dalam upacara agama dan membolehkan responden terlibat dengan kegiatan masjid dan keagamaan.

Berdasarkan Jadual 4.7 di atas, secara umum menunjukkan motivasi instrumental memang menjadi faktor yang mempengaruhi pelajar mempelajari bahasa Melayu. Bagi semua kenyataan, kekerapan dan peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan yang telah dikemukakan melebihi 50 peratus, yakni dari serendah 57.8 peratus hingga yang paling tinggi 91.8 peratus.

Daripada Jadual 4.7 di atas, didapati motivasi instrumental yang paling utama bagi responden mempelajari bahasa Melayu adalah untuk mendapat maklumat dan hiburan dari media Malaysia. Seramai 135 orang (91.8 peratus) responden bersetuju dan selebihnya, yakni seramai 12 orang (8.2 peratus) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Dapatan ini menunjukkan bahawa, hampir semua responden mempelajari bahasa Melayu untuk memudahkan mereka mendapat maklumat dan hiburan dalam bahasa Melayu, yakni bahasa Melayu dipelajari untuk dijadikan sebagai instrumen atau alat untuk mendapat maklumat.

Terdapat tiga kenyataan yang dipersetujui lebih daripada 82 peratus responden, iaitu kenyataan a, b dan d. Dapatan ini menunjukkan responden mempelajari bahasa Melayu juga kerana mereka bercadang untuk bekerja di Malaysia. Kenyataan a. *Saya bercadang untuk bekerja di Malaysia* seperti dalam Jadual 4.7 di atas menunjukkan 131 orang (89.1peratus) bersetuju dan hanya 16 orang (10.9 peratus) yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Selain daripada motivasi untuk bekerja di Malaysia, responden juga mengikuti kursus bahasa Melayu untuk memudahkan mereka mendapat pekerjaan di Selatan Thai dan untuk melanjutkan pelajaran ke kolej/universiti di Malaysia. Seramai 128 orang (87.1 peratus) bersetuju dan hanya 19 orang (12.9 peratus) yang tidak bersetuju dengan kenyataan d. yakni *Dengan mengikuti kursus bahasa Melayu memudahkan saya mendapat pekerjaan di Selatan Thai*. Bagi kenyataan b. *Saya bercadang untuk melanjutkan pelajaran ke kolej/universiti di Malaysia*, seramai 121 orang (82.3 peratus) bersetuju dan hanya 26 orang (17.7 peratus) yang tidak bersetuju dengan kenyataan.

Berdasarkan pemerhatian didapati memang ramai orang-orang di Selatan Thai yang datang bekerja di Malaysia kerana pendapatan yang diperolehi di Malaysia lebih baik berbanding dengan di Thailand bagi sektor-sektor tertentu. Didapati juga ramai pelajar Thai yang berasal dari selatan lebih berminat untuk menyambung pelajaran di Malaysia. Hasil daripada temu bual dengan beberapa orang pelajar Thai yang menyambung pelajaran ke peringkat sarjana dan Ph.D di Universiti Malaya, mereka mengatakan perbelanjaan pendidikan di Malaysia

lebih murah berbanding dengan perbelanjaan menyambung pelajaran di universiti-universiti, di Bangkok. Di samping itu, kedudukan Malaysia yang lebih dekat berbanding dengan Bangkok, menyebabkan ramai pelajar yang berasal dari Selatan Thai memilih untuk menyambung pelajaran di Malaysia. Bahasa Melayu memang digunakan dalam urusan jual beli di Selatan Thai, terutamanya di daerah-daerah sempadan Malaysia. Didapati juga di pusat membeli belah seperti di Sungai Kolok atau Tak Bai, Narathiwat dan di Hadyai, Songkla, yakni bandar-bandar yang berhampiran sempadan Malaysia, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa alternatif apabila berhubung dengan pelanggan dari Malaysia. Oleh itu, mengetahui bahasa Melayu tentunya menjadi satu kelebihan dalam mendapatkan pekerjaan di bandar-bandar berkenaan.

Terdapat tiga kenyataan yang dipersetujui sekitar 71.4 hingga 87.1 peratus responden, iaitu kenyataan c,j dan p. Kenyataan c. *Saya bercadang untuk bermiaga dan berdagang di Malaysia*, seperti dalam Jadual 5.7 di atas menunjukkan 107 orang (72.8 peratus) bersetuju dan selebihnya 40 orang (27.2 peratus) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Bagi kenyataan j. *Bagi saya belajar bahasa Melayu penting kerana bahasa Melayu perlu diteruskan digunakan dalam upacara keagamaan*, 105 orang (71.4 peratus) bersetuju dan selebihnya 42 orang (28.6 peratus) tidak bersetuju. Bagi kenyataan p. pula, iaitu *Belajar bahasa Melayu penting bagi saya untuk membolehkan saya terlibat dengan aktiviti-aktiviti masjid dan keagamaan*, seramai 107 orang (72.8 peratus)

bersetuju dan selebihnya 40 orang (27.2 peratus) tidak bersetuju dengan kenyataan yang telah dikemukakan itu.

Dapatan di atas menunjukkan ada responden yang belajar bahasa Melayu kerana mereka ada rancangan untuk berniaga dan berdagang di Malaysia. Memang banyak aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh orang Thai di Malaysia kerana pasaran barang Thai di Malaysia mendapat sambutan, tambahan pula dengan adanya perjanjian tiga segi utara yang melibatkan kegiatan ekonomi dan perdagangan antara Malaysia dan Thailand. Di samping itu, seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 1, bahasa Melayu masih digunakan dalam urusan yang berkaitan dengan agama Islam.

Bagi kenyataan e. *Pengetahuan bahasa Melayu memudahkan saya berdakwah*, walaupun peratus responden yang bersetuju dengan kenyataan ini melebihi 50 peratus, namun jumlah responden yang bersetuju adalah paling rendah jika dibandingkan dengan kenyataan yang lain. Seramai 85 orang (57.8 peratus) bersetuju dan selebihnya 62 orang (42.2 peratus) tidak bersetuju dengan kenyataan. Ini menunjukkan walaupun faktor tersebut turut menjadi motivasi responden mempelajari bahasa Melayu dan bilangan responden yang beragama Islam seramai 114 orang (77.6 peratus), namun bilangan responden yang ingin menjadi pendakwah tidaklah ramai.

Untuk meneliti dengan lebih khusus tentang motivasi responden mempelajari bahasa Melayu, analisis dalam bentuk penjadualan bersilang dengan angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama bagi kenyataan yang bersifat motivasi instrumental ini dibuat. Jadual 4.8 di bawah menunjukkan sejauh mana angkubah-angkubah berkenaan mempengaruhi ukuran motivasi instrumental responden.

Jadual 4.8 Peratusan Motivasi Instrumental dalam Bentuk Penjadualan Bersilang dengan Angkubah Universiti, Bahasa Ibunda, Jantina dan Agama

Kenyataan	Universiti				Bahasa Ibunda				Jantina				Agama			
	PSU		WU		BT		BM		Lelaki		Perempuan		Islam		Buddha	
	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS
a. Saya bercadang untuk bekerja di Malaysia.	94.3	5.7	84.4	15.6	75.5	24.5	95.9	4.1	92.5	7.5	87.9	12.1	92.1	7.9	78.8	21.2
b. Saya bercadang untuk melanjutkan pelajaran ke kolej/universiti di Malaysia	92.9	7.1	72.7	27.3	65.3	34.7	90.8	9.2	92.5	7.5	78.5	21.5	90.4	9.6	54.5	45.5
c. Saya bercadang untuk bermiaga dan berdagang di Malaysia.	78.6	21.4	67.5	32.5	65.3	34.7	76.5	23.5	85.0	15.0	68.2	31.8	76.3	23.7	60.6	39.4
d. Dengan mengikuti kursus bahasa Melayu memudahkan saya mendapat pekerjaan di Selatan Thai.	90.0	10.0	84.4	15.6	81.6	18.4	89.8	10.2	95.0	5.0	84.1	15.9	91.2	8.8	72.7	27.3
e. Pengetahuan bahasa Melayu memudahkan saya berdakwah.	58.6	41.4	57.1	42.9	32.7	67.3	70.4	29.6	75.0	25.0	51.4	48.6	74.6	25.4	0	100

f. Pengetahuan bahasa Melayu memudahkan saya mendapat maklumat dan hiburan dari media (spt. TV, radio, akhbar) dari Malaysia.	91.4	8.6	92.2	7.8	81.6	18.4	96.9	3.1	97.5	2.5	89.7	10.3	94.7	5.3	81.8	18.2
j.Bagi saya belajar bahasa Melayu penting kerana bahasa Melayu perlu terus digunakan dalam upacara keagamaan.	77.1	22.8	68.8	31.2	32.7	67.3	90.8	9.2	90.0	10.0	64.5	35.5	92.1	7.9	0	100
p.Belajar bahasa Melayu penting bagi saya untuk membolehkan saya terlibat dengan aktiviti-aktiviti masjid dan keagamaan.	77.1	22.9	68.8	31.2	32.7	67.3	92.9	7.1	95.0	5.0	64.5	35.5	93.9	6.1	0	100

Nota: PSU - Universiti Prince of Songkla (Pattani)
 WU - Universiti Walailak
 BT - Bahasa Thai
 BM - Bahasa Melayu
 S - Sangat Setuju/Setuju
 TS - Tidak setuju

Motivasi insrumental juga merupakan faktor yang menggalakkan responden mempelajari bahasa Melayu. Beberapa angkubah didapati mempengaruhi responden. Jadual 4.8 di atas menunjukkan secara terperinci peratusan motivasi integratif yang dirujuk silang dengan angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama.

4.3.2.1 **Saya bercadang untuk bekerja di Malaysia**

Soalan ini dikemukakan untuk melihat adakah motivasi responden belajar bahasa Melayu kerana mereka bercadang untuk bekerja di Malaysia. Berdasarkan angkubah universiti, seperti yang tertera dalam Jadual 5.8 didapati 94.3 peratus (66 orang) responden dari PSU bersetuju dengan kenyataan ini. Selebihnya, iaitu 4.7 peratus (4 orang) tidak bersetuju. Bagi responden WU pula, 84.4 peratus (65 orang) bersetuju, manakala 15.6 peratus (12 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah universiti, harapan untuk bekerja di Malaysia, menjadi motivasi responden kedua-dua universiti mempelajari bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, peratusan responden PSU yang bersetuju lebih tinggi berbanding dengan peratus responden WU yang bersetuju dengan kenyataan ini.

Dilihat dari angkubah bahasa ibunda didapati peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini memang besar, walaupun terdapat sedikit perbezaan. 75.5 peratus (37 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju, manakala selebihnya, iaitu 24.5 peratus (12 orang) tidak bersetuju

dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu 95.4 peratus (94 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya sebahagian kecil iaitu 4.1 peratus (4 orang) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Walaupun secara umum kenyataan yang dikemukakan dipersetujui oleh responden kedua-dua kumpulan bahasa ibunda, namun peratusan persetujuan responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu lebih tinggi.

Berdasarkan angkubah jantina pula, didapati 92.5 peratus (37 orang) responden lelaki bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 7.5 peratus (3 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden perempuan pula, 87.9 peratus (94 orang) bersetuju, manakala 12.1 peratus (13 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah jantina, peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini adalah besar, walaupun terdapat perbezaan kadar peratusan persetujuan antara responden lelaki dan perempuan. Peratusan ini menunjukkan peratusan responden lelaki yang bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan lebih tinggi berbanding dengan responden perempuan, walaupun dari segi bilangan responden lelaki kurang berbanding responden perempuan.

Jadual 4.8 di atas juga menunjukkan angkubah agama tidak mempengaruhi peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan kajian menunjukkan peratus responden yang bersetuju dengan kenyataan

ini besar, walaupun mungkin peratus responden beragama Buddha yang bersetuju dengan soalan yang dikemukakan agak rendah berbanding dengan responden yang beragama Islam. Sebanyak 92.1 peratus (105) responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya 7.9 peratus (9 orang) yang tidak bersetuju. Bagi responden yang beragama Buddha pula, sebanyak 78.8 peratus (26 orang) bersetuju dengan kenyataan ini, manakala selebihnya iaitu 21.2 peratus (7 orang), tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Berdasarkan peratusan yang ditunjukkan di atas, jelas bahawa bercadang untuk bekerja di Malaysia memang merupakan salah satu faktor yang menjadi motivasi responden belajar bahasa Melayu. Keempat-empat angkubah tersebut seolah-olah tidak mempengaruhi dapatan kajian, kerana berdasarkan semua angkubah, peratus responden yang bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan adalah besar.

4.3.2.2 Saya Bercadang untuk Melanjutkan Pelajaran ke Kolej/Universiti di Malaysia

Soalan ini dikemukakan untuk melihat sama ada motivasi responden belajar bahasa Melayu kerana mereka bercadang untuk melanjutkan pelajaran ke kolej/universiti di Malaysia. Berdasarkan angkubah universiti, seperti yang tertera dalam Jadual 4.8, didapati 92.9 peratus (65 orang) responden dari PSU bersetuju dengan kenyataan ini. Selebihnya, iaitu 7.1 peratus (5 orang) tidak bersetuju. Bagi responden WU pula, 72.7 peratus (56 orang) bersetuju, manakala 27.3 peratus (21

orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah universiti, cita-cita untuk melanjutkan pelajaran ke kolej/universiti di Malaysia, sememangnya menjadi motivasi responden kedua-dua universiti mempelajari bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, peratusan responden PSU yang bersetuju lebih tinggi berbanding dengan peratus responden WU yang bersetuju dengan kenyataan ini.

Dilihat dari angkubah bahasa ibunda, didapati peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini melebihi 50 peratus, walaupun terdapat sedikit perbezaan jika dibandingkan di antara kedua-dua kumpulan bahasa ibunda. 65.3 peratus (32 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju, manakala selebihnya, iaitu 34.7 peratus (17 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, 90.8 peratus (89 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala 9.2 peratus (9 orang) sahaja yang tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Walaupun secara umum, kenyataan yang dikemukakan dipersetujui oleh responden kedua-dua kumpulan bahasa ibunda, namun peratusan persetujuan responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu lebih tinggi.

Berdasarkan angkubah jantina pula, didapati 92.5 peratus (37 orang) responden lelaki bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 7.5 peratus (3 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden perempuan pula, 78.5 peratus (84 orang) bersetuju, manakala 21.5 peratus (23

orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah jantina, peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini adalah besar, walaupun terdapat perbezaan kadar peratusan persetujuan antara responden lelaki dan perempuan. Angka ini menunjukkan peratusan responden lelaki yang bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan lebih tinggi berbanding dengan responden perempuan, walaupun dari segi bilangan responden lelaki kurang berbanding responden perempuan.

Jadual 4.8 di atas juga menunjukkan angkubah agama mempengaruhi peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan kajian menunjukkan peratus responden beragama Islam yang bersetuju dengan kenyataan ini besar, berbanding peratus responden beragama Buddha yang bersetuju (walaupun melebihi 50 peratus) tetapi jauh lebih rendah berbanding dengan peratus persetujuan responden yang beragama Islam. Sebanyak 90.4 peratus (103) responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya 9.6 peratus (11 orang) yang tidak bersetuju. Bagi responden yang beragama Buddha pula, sebanyak 54.5 peratus (18 orang) bersetuju dengan kenyataan ini, manakala selebihnya iaitu 45.5 peratus (15 orang), tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Berdasarkan peratusan yang ditunjukkan di atas, jelas bahawa bercadang untuk melanjutkan pelajaran ke kolej/universiti di Malaysia memang merupakan salah satu faktor yang menjadi motivasi responden belajar bahasa Melayu. Tiga

angkubah iaitu universiti, bahasa ibunda dan jantina seolah-olah tidak menimbulkan kelainan dapatan kajian, kerana berdasarkan semua angkubah, peratus responden yang bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan adalah besar. Walau bagaimanapun, angkubah agama agak memberi kelainan pada dapatan kajian, kerana walaupun peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan lebih banyak, tetapi beza di antaranya adalah pada sekitar 9 peratus sahaja.

4.3.2.3 **Saya Bercadang untuk Berniaga dan Berdagang di Malaysia**

Soalan ini dikemukakan untuk melihat adakah motivasi responden belajar bahasa Melayu kerana mereka bercadang untuk bekerja di Malaysia. Berdasarkan angkubah universiti, seperti yang tertera dalam Jadual 4.8, didapati 78.6 peratus (55 orang) responden dari PSU bersetuju dengan kenyataan ini. Selebihnya, iaitu 21.4 peratus (15 orang) tidak bersetuju. Bagi responden WU pula, 67.5 peratus (52 orang) bersetuju, manakala 32.5 peratus (25 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah universiti, harapan untuk bekerja di Malaysia juga menjadi motivasi responden kedua-dua universiti mempelajari bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, peratusan responden PSU yang bersetuju lebih tinggi berbanding dengan peratus responden WU yang bersetuju dengan kenyataan ini dengan perbezaan sebanyak 11.1 peratus.

Dilihat dari angkubah bahasa ibunda didapati peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini melebihi 65 peratus. 65.3 peratus (32 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju, manakala selebihnya, iaitu 34.7 peratus (17 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, 76.5 peratus (75 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala sebanyak 23.5 peratus (23 orang) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Walaupun secara umum kenyataan yang dikemukakan dipersetujui oleh responden kedua-dua kumpulan bahasa ibunda, namun peratusan dan jumlah responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu yang bersetuju lebih tinggi.

Berdasarkan angkubah jantina pula, didapati 85.0 peratus (34 orang) responden lelaki bersetuju dengan kenyataan ini, manakala 15.0 peratus (6 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden perempuan, 68.2 peratus (73 orang) bersetuju, manakala 31.8 peratus (34 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatkan ini menunjukkan berdasarkan angkubah jantina, peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini melebihi 68 peratus. Dapatkan dalam Jadual 5.8 ini menunjukkan peratusan responden lelaki yang bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan lebih tinggi berbanding dengan responden perempuan, walaupun dari segi bilangan responden lelaki kurang berbanding responden perempuan.

Jadual 4.8 di atas juga menunjukkan angkubah agama tidak mempengaruhi peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan kajian menunjukkan peratus responden yang bersetuju dengan kenyataan ini agak besar, iaitu melebihi 60 peratus, walaupun mungkin peratus responden beragama Buddha yang bersetuju dengan soalan yang dikemukakan agak rendah berbanding dengan responden yang beragama Islam. Sebanyak 76.3 peratus (87 orang) responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala 23.7 peratus (27 orang) lagi tidak bersetuju. Bagi responden yang beragama Buddha pula, sebanyak 60.6 peratus (20 orang) bersetuju dengan kenyataan ini, manakala selebihnya, iaitu 39.4 peratus (13 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Berdasarkan peratusan dan angka yang ditunjukkan di atas, jelas bahawa bercadang untuk bermiaga dan berdagang di Malaysia memang merupakan salah satu faktor yang menjadi motivasi responden belajar bahasa Melayu. Keempat-empat angkubah tersebut seolah-olah tidak membezakan persetujuan responden terhadap kenyataan yang dikemukakan, kerana berdasarkan semua angkubah, peratus responden yang bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan adalah besar.

4.3.2.4 Dengan Mengikuti Kursus Bahasa Melayu Memudahkan Saya Mendapat Pekerjaan di Selatan Thai

Soalan ini dikemukakan untuk melihat adakah motivasi responden belajar bahasa Melayu kerana mereka berpendapat dengan mengikuti kursus Bahasa Melayu memudahkan mereka mendapat pekerjaan di Selatan Thai. Berdasarkan angkubah universiti, seperti yang tertera dalam Jadual 4.8, didapati 90.0 peratus (63 orang) responden dari PSU bersetuju dengan kenyataan ini. Selebihnya, iaitu 10.0 peratus (7 orang) tidak bersetuju. Bagi responden WU pula, 84.4 peratus (65 orang) bersetuju, manakala 15.6 peratus (12 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah universiti, kenyataan bahawa mudah mendapat pekerjaan di Selatan Thai, menjadi motivasi responden kedua-dua universiti mempelajari bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, peratusan responden PSU yang bersetuju lebih tinggi berbanding dengan peratus responden WU yang bersetuju dengan kenyataan ini.

Dilihat dari angkubah bahasa ibunda, didapati peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini memang besar, walaupun terdapat sedikit perbezaan. 81.6 peratus (40 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju, manakala selebihnya, iaitu 18.4 peratus (9 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, 89.8 peratus (88 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya 10.2 peratus (10 orang) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Peratusan ini menunjukkan secara umum kenyataan yang

dikemukakan dipersetujui oleh responden kedua-dua kumpulan bahasa ibunda dengan perbezaan peratus persetujuan antara kedua-dua kumpulan itu hanya 8.2 peratus sahaja.

Berdasarkan angkubah jantina pula, didapati 95.0 peratus (38 orang) responden lelaki bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 5.0 peratus (2 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden perempuan pula, 84.1 peratus (90 orang) bersetuju, manakala 15.9 peratus (17 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah jantina, peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini adalah besar, walaupun terdapat perbezaan kadar peratusan persetujuan antara responden lelaki dan perempuan. Dapatan ini menunjukkan peratusan responden lelaki yang bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan lebih tinggi berbanding dengan responden perempuan, walaupun dari segi bilangan responden lelaki kurang berbanding responden perempuan.

Jadual 4.8 di atas juga menunjukkan angkubah agama tidak mempengaruhi peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan kajian menunjukkan peratus responden yang bersetuju dengan kenyataan ini besar, walaupun mungkin peratus responden beragama Buddha yang bersetuju dengan soalan yang dikemukakan agak rendah berbanding dengan responden yang beragama Islam. Sebanyak 91.2 peratus (104) responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya 8.8

peratus (10 orang) yang tidak bersetuju. Bagi responden yang beragama Buddha pula, sebanyak 72.7 peratus (24 orang) bersetuju dengan kenyataan ini, manakala selebihnya iaitu 27.3 peratus (9 orang), tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Berdasarkan peratusan yang ditunjukkan di atas, jelas bahawa mudah untuk mendapat pekerjaan di Selatan Thai memang merupakan antara faktor yang menjadi motivasi responden belajar bahasa Melayu. Keempat-empat angkubah tersebut seolah-olah tidak membezakan dapatan kajian, kerana berdasarkan semua angkubah, peratus responden yang bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan adalah besar.

4.3.2.5 Pengetahuan Bahasa Melayu Memudahkan Saya Berdakwah

Soalan ini dikemukakan untuk melihat adakah motivasi responden belajar bahasa Melayu kerana mengetahui bahasa Melayu memudahkan mereka berdakwah. Berdasarkan angkubah universiti, seperti yang tertera dalam Jadual 4.8 didapati 58.6 peratus (41 orang) responden dari PSU bersetuju dengan kenyataan ini, manakala iaitu 41.4 peratus (26 orang) tidak bersetuju. Bagi responden WU pula, 57.1 peratus (44 orang) bersetuju, manakala 42.8 peratus (33 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Dapatan ini menunjukkan mengetahui bahasa Melayu untuk memudahkan berdakwah, menjadi motivasi sebahagian responden kedua-dua universiti mempelajari bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, peratusan responden PSU dan WU yang bersetuju dengan kenyataan ini hanya antara 57 hingga 58 peratus sahaja. Ini menunjukkan

walaupun melebihi 57 peratus responden yang bersetuju, namun peratus responden yang tidak bersetuju agak banyak.

Dilihat dari angkubah bahasa ibunda, didapati peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini agak berbeza daripada dapatan sebelum ini. Hanya 32.7 peratus (16 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju, manakala sebahagian besar, iaitu 67.3 peratus (33 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu 70.4 peratus (69 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala 29.6 peratus (29 orang) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Peratusan di atas menunjukkan angkubah bahasa ibunda mempengaruhi dapatan kajian. Bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai, mengetahui bahasa Melayu untuk memudahkan berdakwah tidak menjadikan motivasi responden mempelajari bahasa Melayu. Namun bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, peratusan persetujuan yang lebih besar menandakan kenyataan ini merupakan salah satu motivasi mereka mempelajari bahasa Melayu.

Berdasarkan angkubah jantina pula, didapati 75.0 peratus (30 orang) responden lelaki bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 25.0 peratus (10 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden perempuan pula, 51.4 peratus (55 orang) bersetuju, manakala 48.6 peratus (52 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah jantina, peratusan responden yang bersetuju dengan

kenyataan ini adalah besar di kalangan responden lelaki. Namun bagi responden perempuan, beza di antara kumpulan yang bersetuju dengan yang tidak bersetuju terlalu kecil, iaitu 2.8 peratus sahaja. Ini menunjukkan bahasa Melayu penting bagi responden lelaki untuk berdakwah, sesuai dengan tugas sebagai pendakwah di kalangan umat Islam lebih ramai dari golongan lelaki.

Jadual 4.8 di atas juga menunjukkan angkubah agama amat mempengaruhi dapatan kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan peratus responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan ini besar. Sebanyak 74.6 peratus (85) responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala 25.4 peratus (29 orang) tidak bersetuju. Bagi responden yang beragama Buddha pula, semua responden yakni 100 peratus (33) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Berdasarkan peratusan yang ditunjukkan di atas, jelas bahawa mengetahui bahasa Melayu untuk memudahkan berdakwah memang merupakan salah satu faktor yang menjadi motivasi responden yang beragama Islam belajar bahasa Melayu. Namun kenyataan ini langsung tidak relevan kepada responden yang beragama Buddha. Dapatan ini antara lain menunjukkan bahasa Melayu memang tidak digunakan untuk tujuan berdakwah bagi penganut Buddha.

Terdapat satu corak yang menarik berdasarkan peratusan keempat-empat angkubah tersebut. Angkubah agama amat mempengaruhi dapatan kajian. Di samping itu, angkubah bahasa ibunda juga begitu mempengaruhi dapatan kajian.

4.3.2.6 Pengetahuan Bahasa Melayu Memudahkan Saya Mendapat Maklumat dan Hiburan dari Media (spt. TV, Radio, Akhbar) dari Malaysia

Soalan ini dikemukakan untuk mengetahui adakah motivasi responden belajar bahasa Melayu sebagai alat untuk memudahkan mereka mendapat maklumat dan hiburan dari media Malaysia. Berdasarkan angkubah universiti, seperti yang tertera dalam Jadual 4.8, didapati 91.4 peratus (64 orang) responden dari PSU bersetuju dengan kenyataan ini. Selebihnya, iaitu 8.6 peratus (6 orang) tidak bersetuju. Bagi responden WU pula, 92.2 peratus (71 orang) bersetuju, manakala 7.8 peratus (6 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah universiti, jelas bahawa mendapatkan maklumat dan hiburan dari media Malaysia memang menjadi salah satu motivasi responden kedua-dua universiti mempelajari bahasa Melayu. Peratusan kedua-dua kumpulan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini amat besar, yakni melebihi 90 peratus.

Dilihat dari angkubah bahasa ibunda didapati peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini juga besar, walaupun terdapat sedikit perbezaan. 81.6 peratus (40 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju, manakala selebihnya, iaitu 18.4 peratus (9 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, 96.9 peratus (95 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya sebahagian kecil iaitu 3.1 peratus (3 orang) tidak setuju dengan kenyataan ini. Dapatan ini menunjukkan salah satu faktor responden daripada

kedua-dua kumpulan bahasa ibunda mempelajari Melayu adalah sebagai alat untuk mendapatkan maklumat dan hiburan dari Malaysia

Berdasarkan angkubah jantina pula, didapati 97.5 peratus (39 orang) responden lelaki bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 2.5 peratus (1 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden perempuan pula, 89.7 peratus (96 orang) bersetuju, manakala 10.3 peratus (11 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah jantina, peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini juga besar, walaupun terdapat perbezaan kadar peratusan persetujuan di antara responden lelaki dan perempuan. Peratusan ini menunjukkan peratusan responden lelaki yang bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan lebih tinggi berbanding dengan responden perempuan, walaupun dari segi bilangan responden lelaki kurang berbanding responden perempuan.

Jadual 4.8 di atas juga menunjukkan angkubah agama tidak mempengaruhi peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan kajian menunjukkan peratus responden yang bersetuju dengan kenyataan ini besar, walaupun mungkin peratus responden beragama Buddha yang bersetuju dengan soalan yang dikemukakan agak rendah berbanding dengan responden yang beragama Islam. Sebanyak 94.7 peratus (108) responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya 5.3 peratus (6 orang) tidak bersetuju. Bagi responden yang beragama Buddha pula,

sebanyak 81.8 peratus (27 orang) bersetuju dengan kenyataan ini, manakala selebihnya iaitu 18.2 peratus (6 orang), tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Berdasarkan peratusan yang ditunjukkan di atas, jelas bahawa untuk mendapat maklumat dan hiburan dari media Malaysia memang merupakan salah satu faktor yang menjadi motivasi responden belajar bahasa Melayu. Keempat-empat angkubah tersebut mengesahkan kenyataan ini, kerana berdasarkan semua angkubah, peratus responden yang bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan adalah besar.

4.3.2.7 Bagi Saya Belajar Bahasa Melayu Penting kerana Bahasa Melayu Perlu Terus Digunakan dalam Upacara Agama

Soalan ini dikemukakan untuk melihat adakah motivasi responden belajar bahasa Melayu kerana bahasa Melayu perlu terus digunakan dalam upacara agama. Berdasarkan angkubah universiti, seperti yang tertera dalam Jadual 4.8, didapati 77.1 peratus (54 orang) responden dari PSU bersetuju dengan kenyataan ini. Selebihnya, iaitu 22.8 peratus (16 orang) tidak bersetuju. Bagi responden WU pula, 68.8 peratus (53 orang) bersetuju, manakala 31.2 peratus (24 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah universiti, bahasa Melayu perlu terus digunakan dalam upacara agama memang menjadi motivasi responden kedua-dua universiti mempelajari bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, peratusan responden PSU

yang bersetuju lebih tinggi berbanding dengan peratus responden WU yang bersetuju dengan kenyataan ini.

Dilihat dari angkubah bahasa ibunda didapati peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini berbeza. Hanya 32.7 peratus (16 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju, manakala sebahagian besar iaitu 67.3 peratus (33 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Sebaliknya pula, bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, 90.8 peratus (89 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya sebahagian kecil iaitu 9.2 peratus (9 orang) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan berdasarkan angkubah bahasa ibunda, bahasa Melayu perlu terus digunakan dalam upacara agama memang menjadi motivasi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, tetapi sebaliknya tidak bagi sebilangan besar responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai.

Berdasarkan angkubah jantina pula, didapati 90.0 peratus (36 orang) responden lelaki bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 10.0 peratus (4 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden perempuan pula, 64.5 peratus (69 orang) bersetuju, manakala 35.5 peratus (38 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah jantina, bahasa Melayu perlu terus digunakan dalam upacara agama memang menjadi motivasi responden mempelajari bahasa Melayu.

Peratusan responden lelaki yang bersetuju dengan kenyataan ini amat besar, jika dibandingkan dengan peratusan persetujuan responden perempuan.

Jadual 4.8 di atas juga menunjukkan angkubah agama amat mempengaruhi peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan kajian menunjukkan peratus responden yang bersetuju dengan kenyataan ini amat besar di kalangan responden beragama yang beragama Islam. Sebanyak 92.1 peratus (105) responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya 7.9 peratus (9 orang) yang tidak bersetuju. Bagi responden yang beragama Buddha pula, keadaan sebaliknya berlaku. Semua responden yang beragama Buddha yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Keadaan ini terjadi mungkin disebabkan soalan yang dikemukakan tidak relevan kepada mereka, kerana seperti yang dikatakan sebelum ini bahasa Melayu tidak digunakan dalam upacara agama Buddha.

Terdapat satu corak yang menarik berdasarkan peratusan keempat-empat angkubah tersebut. Angkubah bahasa ibunda dan agama amat mempengaruhi dapatan kajian. Jelasnya, bagi responden yang beragama Buddha dan sebahagian besar responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai, kenyataan ini tidak menjadi salah satu faktor mereka mempelajari bahasa Melayu.

4.3.2.8 Belajar Bahasa Melayu Penting bagi Saya untuk Membolehkan Saya Terlibat dengan Aktiviti-aktiviti Masjid dan Keagamaan

Soalan ini dikemukakan untuk melihat adakah motivasi responden belajar bahasa Melayu sebagai alat untuk membolehkan mereka terlibat dengan aktiviti-aktiviti masjid dan keagamaan. Berdasarkan angkubah universiti, seperti yang tertera dalam Jadual 4.8, didapati 77.1 peratus (54 orang) responden dari PSU bersetuju dengan kenyataan ini. Selebihnya, iaitu 22.9 peratus (16 orang) tidak bersetuju. Bagi responden WU pula, 68.8 peratus (53 orang) bersetuju, manakala 31.2 peratus (24 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah universiti, bahasa Melayu menjadi alat untuk membolehkan mereka terlibat dengan aktiviti-aktiviti masjid dan agama, atau dengan kata lain menjadi motivasi responden kedua-dua universiti mempelajari bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, peratusan responden PSU yang bersetuju lebih tinggi berbanding dengan peratus responden WU yang bersetuju dengan kenyataan ini.

Dilihat dari angkubah bahasa ibunda, didapati peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini berbeza di antara kedua-dua kumpulan. Hanya sebanyak 32.7 peratus (16 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju, manakala sebahagian besar, iaitu 67.3 peratus (33 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu pula, 92.9 peratus (91 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya sebahagian kecil, iaitu 7.1 peratus (7 orang)

tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, motivasi mereka mempelajari bahasa Melayu adalah sebagai alat untuk membolehkan mereka terlibat dengan aktiviti-aktiviti masjid dan keagamaan. Sebaliknya, kenyataan ini tidak menjadi motivasi kebanyakan responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai.

Berdasarkan angkubah jantina pula, didapati 95.0 peratus (38 orang) responden lelaki bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 5.0 peratus (5 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden perempuan pula, 64.5 peratus (69 orang) bersetuju, manakala 33.5 peratus (38 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah jantina, jelas bahawa salah satu motivasi responden mempelajari bahasa Melayu adalah kerana bahasa Melayu menjadi alat untuk membolehkan mereka terlibat dengan aktiviti-aktiviti masjid dan agama. Walau bagaimanapun, peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini adalah jauh lebih besar di kalangan responden lelaki, berbanding dengan responden perempuan.

Jadual 4.8 di atas juga menunjukkan angkubah agama amat mempengaruhi peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan kajian menunjukkan, tidak ada responden yang beragama Buddha yang bersetuju dengan soalan yang dikemukakan. 100 peratus (33 orang) responden yang beragama Buddha memilih tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan.

Sebaliknya pula, sebahagian besar responden yang beragama Islam, yakni sebanyak 93.9 peratus (107) responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya 6.1 peratus (7 orang) yang tidak bersetuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor bahasa Melayu menjadi alat untuk membolehkan mereka terlibat dengan aktiviti-aktiviti masjid dan keagamaan hanya relevan kepada responden yang beragama Islam, sebaliknya tidak bagi responden yang beragama Buddha.

4.3.2.9 Perbincangan

Berdasarkan analisis data yang dihuraikan 4.3.2.1, 4.3.2.2, 4.3.2.3, 4.3.2.4, 4.3.2.5, 4.3.2.6, 4.3.2.7, dan 4.3.2.8 menunjukkan motivasi instrumental merupakan faktor yang menggalakkan responden mempelajari bahasa Melayu. Motivasi insrumental terhadap mempelajari bahasa Melayu diukur berdasarkan lapan kenyataan, iaitu bercadang untuk bekerja di Malaysia, melanjutkan pelajaran ke kolej/universiti di Malaysia, mendapat pekerjaan di Selatan Thai, memudahkan berdakwah, mendapat maklumat dan hiburan (TV, radio, akhbar) dari Malaysia, bahasa Melayu perlu terus digunakan dalam upacara agama dan membolehkan responden terlibat dengan kegiatan masjid dan keagamaan.

Rujuk silang yang dibuat berdasarkan angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama. Berdasarkan angkubah universiti, didapati responden dari PSU lebih tinggi peratusan persetujuan mereka, berbanding dengan peratusan

persetujuan responden dari WU. Walau pun begitu, angka-angka dalam Jadual 4.8 di atas, menunjukkan majoriti responden dari kedua-dua universiti mempelajari bahasa Melayu kerana motivasi yang bersifat instrumental. Kedudukan universiti masih mempengaruhi dapatan kajian.

Bahasa ibunda amat mempengaruhi dapatan kajian. Rata-rata responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu amat bersetuju dengan semua kenyataan yang bersifat instrumental ini. Namun begitu bagi responden yang beragama Buddha mereka bersetuju dengan kenyataan a, b, c, d dan f sahaja, iaitu yang berkaitan dengan tujuan bekerja di Malaysia, melanjutkan pelajaran ke kolej/universiti di Malaysia, berniaga/berdagang di Malaysia, mendapat pekerjaan di Selatan Thai dan mendapatkan maklumat dari media Malaysia. Semua kenyataan yang berunsur agama, iaitu kenyataan e, j dan p tidak dipersetujui oleh majoriti responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai. Keadaan ini terjadi disebabkan kebanyakan responden yang berbahasa Thai adalah beragama Buddha dan kenyataan tersebut tidak relevan kepada mereka. Bagi responden yang beragama Islam dan berbahasa ibunda bahasa Melayu, didapati bahasa Melayu menjadi alat untuk membolehkan mereka terlibat dengan aktiviti-aktiviti masjid dan keagamaan. Sebaliknya bagi responden yang beragama Buddha dan sebahagian besar responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai, bahasa Melayu tidak menjadi alat untuk mereka terlibat dengan aktiviti keagamaan.

Berdasarkan angkubah jantina pula, didapati peratus persetujuan terhadap semua kenyataan yang bersifat integratif ini adalah lebih tinggi berbanding dengan peratus persetujuan di kalangan responden perempuan. Bagi kenyataan yang menjurus kepada agama, iaitu kenyataan e, j, dan p, peratus persetujuan responden perempuan, yang jauh lebih rendah berbanding peratus persetujuan responden lelaki, menjelaskan bahawa bagi responden lelaki pengetahuan bahasa Melayu amat penting dalam urusan yang berkaitan dengan agama Islam. Ini selaras dengan umumnya pendakwah Islam kebanyakannya adalah daripada kaum lelaki dan bahasa Melayu dijadikan alat untuk tujuan tersebut.

Angkubah jantina memang ketara mempengaruhi dapatan kajian. Rata-rata responden yang beragama Islam amat bersetuju dengan semua kenyataan yang bersifat instrumental ini. Sebaliknya bagi responden yang beragama Buddha mereka bersetuju dengan kenyataan a, b, c, d dan f sahaja. Walaupun mereka bersetuju dengan kenyataan-kenyataan tersebut, namun dari segi peratusannya lebih rendah, jika dibandingkan dengan peratusan persetujuan responden yang beragama Islam. Semua kenyataan yang berunsur agama, iaitu kenyataan e, j dan p tidak dipersetujui oleh semua responden yang beragama Buddha. Data ini menjelaskan bahawa bahasa Melayu tidak digunakan dalam urusan agama Buddha.

Daripada perbincangan di atas, menunjukkan motivasi responden mempelajari bahasa Melayu adalah bersifat instrumental. Angkubah bahasa ibunda dan agama amat mempengaruhi daptan kajian.

4.3.3 Motivasi Bersifat Identiti dan Kesetiaan kepada Bahasa Ibunda/Nenek Moyang

Faktor identiti diri dan kesetiaan kepada bahasa ibunda atau bahasa nenek moyang juga biasa turut mempengaruhi motivasi pelajar mempelajari sesuatu. Dalam kajian ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.9 di bawah, terdapat lima kenyataan yang bersifat identiti dan kesetiaan kepada bahasa dan budaya ibunda/nenek moyang.

Jadual 4.9 Kekerapan dan Peratusan Motivasi Identiti dan Kesetiaan kepada Bahasa Ibunda/Nenek moyang dalam Mempelajari Bahasa Melayu

Kenyataan	Kekerapan		Peratusan	
	SS/S	STS/ TS	SS/S	STS/ TS
g. Ibu bapa amat menggalakkan saya belajar bahasa Melayu supaya saya tahu bahasa keturunan saya yang telah dilupakan oleh kebanyakan ahli keluarga dan saudara mara saya.	113	34	76.9	23.1
h. Saya berasa penting untuk mempelajari bahasa Melayu kerana bahasa ini bahasa ibunda dan bahasa nenek moyang saya.	104	43	70.7	29.3
i. Belajar bahasa Melayu membolehkan saya meneruskan adat resam warisan nenek moyang saya.	112	35	76.2	23.8
k. Saya merasakan sebagai orang Jawi (Melayu) saya patut belajar dan tahu bahasa Melayu.	111	36	75.5	24.5
l. Ibu bapa mengatakan, saya patut belajar bahasa Melayu sekiranya saya ingin meneruskan tradisi dan cara hidup nenek moyang saya.	113	34	76.9	23.1

Nota: SS -Sangat Setuju
 S -Setuju
 STS -Sangat Tidak Setuju
 TS -Tidak Setuju

Motivasi identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang dalam mempelajari Bahasa Melayu diukur melalui lima aspek, iaitu galakan daripada ibu bapa supaya mempelajari bahasa keturunan yang telah dilupakan oleh kebanyakan ahli keluarga dan saudara mara, Bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda dan bahasa nenek moyang, meneruskan adat resam warisan nenek moyang, orang Melayu patut belajar dan tahu bahasa Melayu, dan ibu bapa menyuruh belajar bahasa Melayu jika ingin meneruskan tradisi dan cara hidup nenek moyang.

Jadual 4.9 di atas menunjukkan secara umum motivasi identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang memang mempengaruhi pelajar mempelajari bahasa Melayu. Seramai 113 orang (76.9 peratus) bersetuju dan selebihnya 34 orang (23.1 peratus) tidak bersetuju dengan kenyataan g. *Ibu bapa amat menggalakkan saya belajar bahasa Melayu supaya saya tahu bahasa keturunan saya yang telah dilupakan oleh kebanyakan ahli keluarga dan saudara mara saya.*

Bagi kenyataan h., iaitu *Saya berasa penting untuk mempelajari bahasa Melayu kerana bahasa ini merupakan bahasa ibunda dan bahasa nenek moyang saya*, juga merupakan motivasi responden dalam mempelajari bahasa Melayu. Ini kerana seramai 104 orang (70.7 peratus) bersetuju dan 43 orang (29.3 peratus) tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Jadual 4.9 di atas juga menunjukkan 112 orang (76.2 peratus) bersetuju dan 35 orang (23.8 peratus) lagi tidak bersetuju dengan kenyataan i., iaitu *Belajar bahasa Melayu membolehkan saya meneruskan adat resam warisan nenek moyang saya*. Bagi kenyataan k., iaitu *Saya merasakan sebagai orang Jawi (Melayu) saya patut belajar dan tahu bahasa Melayu*, sebanyak 111 orang (75.5 peratus) bersetuju manakala (24.5 peratus) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Kenyataan yang terakhir yang dikemukakan kepada responden adalah kenyataan l. iaitu, *Ibu bapa mengatakan, saya patut belajar bahasa Melayu sekiranya saya ingin meneruskan tradisi dan cara hidup nenek moyang saya*. Bagi kenyataan ini seramai 113 orang (76.9) peratus bersetuju, manakala 34 orang (23.1) peratus tidak bersetuju.

Berdasarkan angka-angka dalam Jadual 4.9 di atas, secara umum dapatlah dirumuskan motivasi identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang juga merupakan antara faktor pelajar mempelajari Bahasa Melayu. Ini kerana bagi kelima-lima kenyataan yang dikemukakan lebih daripada 70 peratus responden bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan.

Untuk penelitian yang lebih khusus tentang sejauh mana faktor motivasi identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang sebagai faktor responden mempelajari bahasa Melayu, analisis dalam bentuk penjadualan

bersilang dengan angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama. Jadual 4.10 di bawah menunjukkan sejauh mana angkubah-angkubah berkenaan mempengaruhi dapatan kajian. Ulasan terperinci tentang setiap soalan dibincangkan dalam 4.3.3.1, 4.3.3.2, 4.3.3.3, 4.3.3.4 dan 4.3.3.5.

Jadual 4.10 Peratusan Motivasi Identiti dan Kesetiaan kepada Bahasa Ibunda/Nenek Moyang dalam Bentuk Penjadualan Bersilang dengan Angkubah Universiti, Bahasa Ibunda, Jantina dan Agama

Kenyataan	Universiti				Bahasa Ibunda				Jantina				Agama			
	PSU		WU		BT		BM		Lelaki		Perempuan		Islam		Buddha	
	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS
g. Ibu bapa amat menggalakkan saya belajar bahasa Melayu supaya saya tahu bahasa keturunan saya yang telah dilupakan oleh kebanyakan ahli keluarga dan saudara mara saya.	81.4	18.6	72.7	27.3	32.7	67.3	95.9	4.1	95.0	5.0	70.0	30.0	99.1	0.9	0	100
h. Saya berasa penting untuk mempelajari bahasa Melayu kerana bahasa ini bahasa ibunda dan bahasa nenek moyang saya.	74.3	25.7	67.5	32.5	16.3	83.7	98.0	2.0	100	0	59.8	40.2	91.2	8.8	0	100
j. Bagi saya belajar bahasa Melayu membolehkan saya meneruskan adat resam warisan nenek moyang saya.	87.1	12.9	66.2	33.8	30.6	69.4	96.9	3.1	95.0	5.0	69.2	30.8	98.2	1.8	0	100
k. Saya merasakan sebagai orang Jawi (Melayu) saya patut belajar dan tahu bahasa Melayu.	84.3	15.7	67.5	32.5	28.6	71.4	99.0	1.0	95.0	5.0	68.2	31.8	97.4	2.6	0	100

1. Ibu bapa mengatakan, saya patut belajar bahasa Melayu sekiranya saya ingin meneruskan tradisi dan cara hidup nenek moyang saya.	82.9	17.1	71.4	28.6	32.7	67.3	96.9	3.1	92.5	7.5	71.0	29.0	99.1	0.9	0	100
--	------	------	------	------	------	------	------	-----	------	-----	------	------	------	-----	---	-----

Nota: PSU - Universiti Prince of Songkla (Pattani)
 WU - Universiti Walailak
 BT - Bahasa Thai
 BM - Bahasa Melayu
 S - Sangat Setuju/Setuju
 TS - Tidak setuju

- 4.3.3.1 **Ibu bapa amat Menggalakkan Saya Belajar bahasa Melayu supaya Saya Tahu Bahasa Keturunan Saya yang Telah dilupakan oleh Kebanyakan Ahli Keluarga dan Saudara Mara Saya**

Soalan ini dikemukakan untuk melihat adakah motivasi responden belajar bahasa Melayu kerana galakan daripada ibu bapa, yang mahu anak mereka belajar bahasa Melayu kerana bahasa Melayu merupakan bahasa keturunan atau nenek moyang mereka yang telah dilupakan oleh kebanyakan ahli keluarga dan saudara mara.

Berdasarkan angkubah universiti, seperti yang tertera dalam Jadual 4.10 didapati 81.4 peratus (57 orang) responden dari PSU bersetuju dengan kenyataan ini. Selebihnya, iaitu 18.6 peratus (13 orang) tidak bersetuju. Bagi responden WU pula, 72.7 peratus (56 orang) bersetuju, manakala 27.3 peratus (21 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah universiti, memang motivasi responden kedua-dua universiti mempelajari bahasa Melayu adalah galakan daripada ibu bapa supaya anak mereka tahu bahasa keturunan atau nenek moyang mereka, yang telah dilupakan oleh kebanyakan ahli keluarga dan saudara mara.

Dilihat dari angkubah bahasa ibunda, didapati peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini berbeza. Hanya 32.7 peratus (16 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju, manakala sebahagian besar, iaitu 67.3 peratus (33 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan.

Sebaliknya pula, bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, 95.9 peratus (94 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya sebahagian kecil iaitu 4.1 peratus (4 orang) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan berdasarkan angkubah bahasa ibunda, motivasi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu mempelajari bahasa Melayu adalah galakan daripada ibu bapa supaya anak mereka tahu bahasa keturunan atau nenek moyang mereka, yang telah dilupakan oleh kebanyakan ahli keluarga dan saudara mara. Sebaliknya tidak, bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai.

Berdasarkan angkubah jantina pula, didapati 95.0 peratus (38 orang) responden lelaki bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 5.0 peratus (2 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden perempuan pula, 70.0 peratus (75 orang) bersetuju, manakala 30.0 peratus (32 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah jantina, memang jelas motivasi responden mempelajari bahasa Melayu adalah galakan daripada ibu bapa supaya anak mereka tahu bahasa keturunan atau nenek moyang mereka, yang telah dilupakan oleh kebanyakan ahli keluarga dan saudara mara.

Jadual 4.10 di atas juga menunjukkan angkubah agama amat mempengaruhi peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini. Sebanyak 99.1 peratus (113) responden yang beragama Islam bersetuju dengan

kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya 0.9 peratus (1 orang) sahaja yang tidak bersetuju. Bagi responden yang beragama Buddha pula, keadaan sebaliknya berlaku. Semua responden yang beragama Buddha tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Keadaan ini terjadi mungkin disebabkan bahasa Melayu bukanlah bahasa bahasa keturunan atau nenek moyang responden yang beragama Buddha.

Terdapat satu corak yang menarik berdasarkan peratusan keempat-empat angkubah tersebut. Angkubah bahasa ibunda dan agama amat mempengaruhi dapatan kajian. Jelasnya, bagi responden yang beragama Buddha dan sebahagian besar responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai, kenyataan ini tidak menjadi salah satu faktor mereka mempelajari bahasa Melayu.

4.3.3.2 Saya Berasa Penting untuk Mempelajari Bahasa Melayu kerana Bahasa Ini Bahasa Ibunda dan Bahasa Nenek Moyang Saya

Soalan ini dikemukakan untuk melihat adakah motivasi responden belajar bahasa Melayu kerana mereka berasa penting untuk mempelajari bahasa itu memandangkan bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda dan bahasa nenek moyang mereka.

Berdasarkan angkubah universiti, seperti yang tertera dalam Jadual 4.10, didapati 74.3 peratus (52 orang) responden dari PSU bersetuju dengan kenyataan ini. Selebihnya, iaitu 25.7 peratus (18 orang) tidak bersetuju. Bagi responden WU pula, 67.8 peratus (52 orang) bersetuju, manakala 32.5 peratus (25 orang) tidak

bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Tingginya peratusan responden kedua-dua universiti yang bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, menunjukkan memang jelas, bahawa motivasi responden belajar bahasa Melayu adalah kerana mereka berasa penting untuk mempelajari bahasa itu memandangkan bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda dan bahasa nenek moyang mereka.

Dilihat dari angkubah bahasa ibunda, didapati peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini berbeza. Hanya 16.3 peratus (8 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju, manakala sebahagian besar iaitu 83.7 peratus (41 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Sebaliknya pula, bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, 98.0 peratus (96 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya sebahagian kecil iaitu 2.0 peratus (2 orang) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan berdasarkan angkubah bahasa ibunda, hampir keseluruhan responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa, walaupun sebahagian besar responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, namun terdapat juga responden yang bersetuju, walaupun peratusannya sedikit. Hal ini mungkin terjadi disebabkan walaupun mereka berbahasa ibunda bahasa Thai, namun keturunan mereka atau datuk nenek mereka dahulu mungkin asalnya berbahasa Melayu.

Berdasarkan angkubah jantina pula, didapati semua responden lelaki, yakni 100 peratus bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden perempuan pula, 59.8 peratus (64 orang) bersetuju, manakala 40.2 peratus (43 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah jantina, motivasi responden mempelajari bahasa Melayu adalah mereka berasa penting untuk mempelajari bahasa itu memandangkan bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda dan bahasa nenek moyang mereka. Ini kerana peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan adalah lebih tinggi berbanding dengan peratus responden yang tidak bersetuju. Di samping itu, peratusan responden lelaki yang bersetuju dengan kenyataan ini amat besar, jika dibandingkan dengan peratusan persetujuan responden perempuan.

Jadual 4.10 di atas juga menunjukkan angkubah agama amat mempengaruhi peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan kajian menunjukkan peratus responden yang bersetuju dengan kenyataan ini amat besar di kalangan responden yang beragama Islam. Sebanyak 91.2 peratus (104) responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya 8.8 peratus (10 orang) yang tidak bersetuju. Bagi responden yang beragama Buddha pula, keadaan sebaliknya berlaku. Semua responden yang beragama Buddha tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Keadaan ini terjadi mungkin disebabkan bahasa Melayu bukanlah bahasa nenek moyang atau keturunan responden yang beragama Buddha.

Terdapat satu corak yang menarik berdasarkan peratusan keempat-empat angkubah tersebut. Angkubah bahasa ibunda dan agama amat mempengaruhi dapatan kajian. Jelasnya, bagi responden yang beragama Buddha dan sebahagian besar responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai, kenyataan ini tidak menjadi salah satu faktor mereka mempelajari bahasa Melayu.

4.3.3.3 Belajar Bahasa Melayu Membolehkan Saya Meneruskan Adat Resam Warisan Nenek Moyang Saya

Soalan ini dikemukakan untuk megetahui adakah motivasi responden belajar bahasa Melayu disebabkan dengan belajar bahasa Melayu membolehkan mereka meneruskan adat resam warisan nenek moyang mereka. Dengan kata lain, apabila mereka belajar bahasa Melayu mereka dapat meneruskan penggunaan bahasa Melayu yang menjadi adat resam nenek moyang mereka.

Berdasarkan angkubah universiti, seperti yang tertera dalam Jadual 4.10 didapati 87.1 peratus (61 orang) responden dari PSU bersetuju dengan kenyataan ini. Selebihnya, iaitu 12.9 peratus (9 orang) tidak bersetuju. Bagi responden WU pula, 66.2 peratus (51 orang) bersetuju, manakala 33.8 peratus (26 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Dapatkan ini menunjukkan berdasarkan angkubah universiti memang menjadi motivasi responden kedua-dua universiti mempelajari bahasa Melayu kerana dengan mempelajari bahasa Melayu, membolehkan mereka meneruskan adat resam warisan nenek moyang

mereka. Walau bagaimanapun, peratusan responden PSU yang bersetuju lebih tinggi berbanding dengan peratus responden WU yang bersetuju dengan kenyataan ini.

Dilihat dari angkubah bahasa ibunda didapati peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini berbeza. Hanya 30.6 peratus (15 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju, manakala sebahagian besar iaitu 69.4 peratus (34 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Sebaliknya pula, bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, 96.9 peratus (95 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya sebahagian kecil, iaitu 3.1 peratus (3 orang) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan berdasarkan angkubah bahasa ibunda, kenyataan di atas menjadi motivasi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu mempelajari bahasa Melayu, tetapi sebaliknya tidak bagi sebilangan besar responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai.

Berdasarkan angkubah jantina pula, didapati 95.0 peratus (38 orang) responden lelaki bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 5.0 peratus (2 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden perempuan pula, 69.2 peratus (74 orang) bersetuju, manakala 30.8 peratus (33 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Peratusan responden lelaki yang bersetuju dengan kenyataan ini amat besar, jika dibandingkan dengan peratusan persetujuan responden perempuan.

Jadual 4.10 di atas juga menunjukkan angkubah agama amat mempengaruhi peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatkan kajian menunjukkan peratus responden yang bersetuju dengan kenyataan ini amat besar di kalangan responden yang beragama Islam. Sebanyak 98.2 peratus (112) responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya 1.8 peratus (2 orang) yang tidak bersetuju. Bagi responden yang beragama Buddha pula, keadaan sebaliknya berlaku. Semua responden yang beragama Buddha tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Berdasarkan peratusan keempat-empat angkubah tersebut. Angkubah bahasa ibunda dan agama amat mempengaruhi dapatan kajian. Jelasnya, bagi responden yang beragama Buddha dan sebahagian besar responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai, kenyataan ini tidak menjadi motivasi mereka mempelajari bahasa Melayu.

4.3.3.4 Saya Merasakan Sebagai Orang Jawi (Melayu) Saya Patut Belajar dan Tahu Bahasa Melayu

Soalan ini dikemukakan untuk melihat adakah motivasi responden belajar bahasa Melayu kerana mereka berasa sebagai orang Melayu mereka patut tahu bahasa Melayu. Berdasarkan angkubah universiti, seperti yang tertera dalam Jadual 4.10, didapati 84.3 peratus (59 orang) responden dari PSU bersetuju, manakala sebanyak 15.7 peratus lagi (11 orang) tidak bersetuju. Bagi responden WU pula, 67.5 peratus (52 orang) bersetuju, manakala 32.5 peratus (25 orang)

tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah universiti, secara keseluruhannya memang kesedaran yang mereka merupakan orang Melayu dan patut tahu bahasa Melayu menjadi motivasi responden kedua-dua universiti mempelajari bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, peratusan responden PSU yang bersetuju lebih tinggi berbanding dengan peratus responden WU yang bersetuju dengan kenyataan ini.

Dilihat daripada angkubah bahasa ibunda didapati peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini berbeza. Hanya 28.6 peratus (14 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju, manakala sebahagian besar iaitu 71.4 peratus (35 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Sebaliknya pula, bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, 99.0 peratus (97 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya 1.0 peratus (1 orang) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan berdasarkan angkubah bahasa ibunda, kenyataan di atas memang menjadi motivasi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu mempelajari bahasa Melayu, tetapi sebaliknya tidak bagi sebilangan besar responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai.

Berdasarkan angkubah jantina pula, didapati 95.0 peratus (38 orang) responden lelaki bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 5.0 peratus (2 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden perempuan pula, 68.2 peratus (73 orang) bersetuju, manakala 31.8 peratus (34

orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah jantina, kenyataan di atas memang menjadi motivasi responden mempelajari bahasa Melayu. Peratusan responden lelaki yang bersetuju dengan kenyataan ini amat besar, jika dibandingkan dengan peratusan persetujuan responden perempuan.

Jadual 4.10 di atas juga menunjukkan angkubah agama amat mempengaruhi peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan kajian menunjukkan peratus responden yang bersetuju dengan kenyataan ini amat besar di kalangan responden beragama yang beragama Islam. Sebanyak 97.4 peratus (111) responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya 2.6 peratus (3 orang) yang tidak bersetuju. Bagi responden yang beragama Buddha pula, keadaan sebaliknya berlaku. Semua responden yang beragama Buddha tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Keadaan menunjukkan dengan jelas semua responden yang beragama Buddha bukan berasal dari keturunan Melayu. Oleh itu soalan yang dikemukakan tidak relevan kepada mereka.

Berdasarkan peratusan keempat-empat angkubah tersebut, jelas bahawa angkubah bahasa ibunda dan agama amat mempengaruhi dapatan kajian. Bagi responden yang beragama Buddha dan sebahagian besar responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai, kenyataan ini tidak menjadi salah satu motivasi mereka mempelajari bahasa Melayu.

4.3.3.5 Ibu Bapa Mengatakan, Saya Patut Belajar Bahasa Melayu Sekiranya Saya Ingin Meneruskan Tradisi dan Cara Hidup Nenek Moyang Saya

Soalan ini dikemukakan untuk melihat adakah motivasi responden belajar bahasa Melayu kerana dorongan ibu bapa yang mengatakan mereka patut belajar bahasa Melayu sekiranya ingin meneruskan tradisi dan cara hidup nenek moyang mereka. Berdasarkan angkubah universiti, seperti yang tertera dalam Jadual 5.10, didapati 82.9 peratus (58 orang) responden dari PSU bersetuju dengan kenyataan ini, manakala selebihnya, iaitu 17.1 peratus (12 orang) tidak bersetuju. Bagi responden WU pula, 71.4 peratus (55 orang) bersetuju, manakala 28.6 peratus (22 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Berdasarkan angkubah universiti, menunjukkan kenyataan di atas memang merupakan motivasi responden kedua-dua universiti mempelajari bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, peratusan responden PSU yang bersetuju lebih tinggi berbanding dengan peratus responden WU yang bersetuju dengan kenyataan ini.

Dilihat dari angkubah bahasa ibunda, didapati peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini berbeza. Hanya 32.7 peratus (16 orang) responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai bersetuju, manakala sebahagian besar, iaitu 67.3 peratus (33 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Sebaliknya pula, bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, 96.9 peratus (95 orang) bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya sebahagian kecil iaitu 3.1 peratus (3 orang) tidak setuju dengan kenyataan

tersebut. Ini menunjukkan berdasarkan angkubah bahasa ibunda, ingin meneruskan tradisi dan cara hidup nenek moyang menjadi motivasi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu mempelajari bahasa Melayu, tetapi sebaliknya tidak bagi sebilangan besar responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai.

Berdasarkan angkubah jantina pula, didapati 92.5 peratus (37 orang) responden lelaki bersetuju dengan kenyataan ini, manakala hanya 7.5 peratus (3 orang) yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden perempuan pula, 71.0 peratus (76 orang) bersetuju, manakala 29.0 peratus (31 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan ini menunjukkan berdasarkan angkubah jantina, kenyataan di atas memang menjadi motivasi responden mempelajari bahasa Melayu. Peratusan responden lelaki yang bersetuju dengan kenyataan ini amat besar, jika dibandingkan dengan peratusan persetujuan responden perempuan.

Jadual 4.10 di atas juga menunjukkan angkubah agama amat mempengaruhi peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini. Dapatan kajian menunjukkan peratus responden yang bersetuju dengan kenyataan ini amat besar di kalangan responden beragama yang beragama Islam. Sebanyak 99.1 peratus (113) responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, manakala hanya 0.9 peratus (1 orang) yang tidak bersetuju. Bagi responden yang beragama Buddha pula, keadaan sebaliknya berlaku. Semua

responden yang beragama Buddha tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Keadaan ini terjadi mungkin disebabkan soalan yang dikemukakan tidak relevan kepada mereka kerana seperti yang dikatakan sebelum ini rata-rata responden yang beragama Buddha bukanlah berasal daripada keturunan Melayu.

Berdasarkan peratusan keempat-empat angkubah tersebut, angkubah bahasa ibunda dan agama amat mempengaruhi daptan kajian. Jelasnya, bagi responden yang beragama Buddha dan sebahagian besar responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai, kenyataan ini tidak menjadi salah satu motivasi mereka mempelajari bahasa Melayu.

4.3.3.6 **Perbincangan**

Berdasarkan analisis dalam 4.3.3.1, 4.3.3.2, 4.3.3.3, 4.3.3.4 dan 4.3.3.5 di atas, menunjukkan motivasi responden mempelajari bahasa Melayu juga bersifat identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang mereka. Motivasi identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang dalam mempelajari Bahasa Melayu diukur melalui lima aspek, iaitu galakan daripada ibu bapa supaya mempelajari bahasa keturunan yang telah dilupakan oleh kebanyakan ahli keluarga dan saudara mara, bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda dan bahasa nenek moyang, meneruskan adat resam warisan nenek moyang, orang Melayu patut belajar dan tahu bahasa Melayu, dan ibu bapa menyuruh belajar bahasa Melayu jika ingin meneruskan tradisi dan cara hidup nenek moyang.

Rujuk silang yang dibuat berdasarkan angkubah universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama jelas mempengaruhi dapatan kajian. Berdasarkan angkubah universiti, dapatan menunjukkan motivasi responden dari kedua-dua universiti alah bersifat identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang. Ini dibuktikan dengan lebih daripada 66 peratus responden kedua-dua universiti bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, peratus persetujuan lebih tinggi di kalangan pelajar PSU. Antara faktor penyebab adalah kedudukan kedua-dua universiti tersebut, iaitu WU di kawasan bukan penutur bahasa Melayu, manakala PSU di kawasan bahasa Melayu dialek Patani masih digunakan dalam perhubungan seharian.

Bahasa ibunda amat mempengaruhi dapatan kajian. Bagi kelima-lima soalan yang dikemukakan, jelas menunjukkan sebahagian besar responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai tidak bersetuju dengan kenyataan dikemukakan. Sebaliknya bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, rata-rata bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Dapatkan ini menunjukkan, bagi responden yang berbahasa Thai, mereka mempelajari bahasa Melayu bukan disebabkan oleh motivasi yang bersifat identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang. Sebaliknya bagi responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu, mereka mempelajari bahasa Melayu adalah disebabkan motivasi tersebut. Perasaan taat setia kepada bahasa ibunda/nenek moyang masih menebal di kalangan responden yang berbahasa ibunda, bahasa Melayu.

Jantina juga agak mempengaruhi dapatan kajian. Rata-rata responden lelaki bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden perempuan, walaupun majoritinya bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan, namun peratusan persetujuan agak rendah. Dapatan ini menjelaskan, responden lelaki lebih setia terhadap bahasa ibunda/nenek moyang mereka, berbanding responden perempuan.

Akhir sekali, dilihat dari sudut angkubah agama. Ternyata angkubah agama amat mempengaruhi dapatan kajian. Semua responden yang beragama Buddha tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Sebaliknya, sebahagian besar responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Ini membuktikan bagi responden yang beragama Islam mereka mempelajari bahasa Melayu kerana motivasi yang bersifat identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang. Dapatan ini menjelaskan bahawa bahasa Melayu penting dipelajari oleh umat Islam di kawasan kajian, kerana bahasa ini mempunyai perkaitan dengan agama Islam, seperti yang dinyatakan dalam 1.5.3.

4.4 Kesimpulan

Analisis dan perbincangan dalam bab ini telah mengupas tentang sikap pelajar-pelajar PSU dan WU terhadap bahasa Melayu. Dapatan menunjukkan kedua-dua kumpulan pelajar bersikap positif terhadap bahasa Melayu. Faktor

agama dan bahasa ibunda amat mempengaruhi sikap pelajar-pelajar berkenaan. Jelasnya, sikap positif pelajar Islam dalam mempelajari bahasa Melayu, bukanlah disebabkan bahasa ini mempunyai nilai prestij, membawa kemodenan, membaiki taraf hidup atau peluang pekerjaan, tetapi lebih bersifat identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang atau etnosentrisme. Sebaliknya pula, bagi pelajar yang beragama Buddha mereka bersikap positif dalam mempelajari bahasa Melayu kerana melalui bahasa tersebut, membolehkan mereka membaiki taraf hidup seperti peluang melanjutkan pelajaran, perniagaan atau peluang pekerjaan.